

Jilid V  
No. 3

Hari Ithnin  
17hb Jun, 1968



# PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN NEGARA (SENATE)

PENYATA RASMI

(DEWAN NEGARA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

## KANDONGAN-NYA

### PEMASHHORA<sup>2</sup> OLEH TUAN YANG DI-PERTUA—

Jawapan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong Terhadap Uchapan Terima Kaseh [Ruangan 701]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan 702]

### URUSAN MESHUARAT [Ruangan 703]

JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 703]

### RANG UNDANG<sup>2</sup>—

Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan, 1968 [Ruangan 718]

The Customs Duties (Penang) (Indemnity) Bill [Ruangan 783]

The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) Bill [Ruangan 784]

The Education (Amendment) Bill [Ruangan 787]

The Control of Rent (Amendment) Bill [Ruangan 789]

Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Padang Golf Subang [Ruangan 791]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA  
PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 798]

PENANGGOHAN [Ruangan 802]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN  
OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, PENGUASA  
JOHOR BAHRU  
1969

Harga: \$1

MALAYSIA

DEWAN NEGARA (SENATE)

*Penyata Rasmi*

Jilid V

Dewan Negara Yang Kedua Penggal Yang Kelima

No. 3

*Hari Ithnin, 17hb Jun, 1968*

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi.*

YANG HADZIR

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- „ PUAN AISHA BINTI HAJI ABDUL GHANI, A.M.N. (Di-lantek).
- „ PUAN BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).
- Yang Berhormat TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN CHAN KWONG-HON, A.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).  
 .. DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).  
 .. TUAN MD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).  
 Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).  
 Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).  
 .. DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).  
 .. TUAN S. P. S. NATHAN (Di-lantek).  
 .. NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).  
 .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).  
 .. TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).  
 .. DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).  
 Yang Berbahagia TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Di-lantek).  
 Yang Berhormat TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).  
 .. TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM, A.M.N. (Perlis).  
 .. TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).  
 .. DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).  
 .. DATO' S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).  
 .. DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).  
 .. DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K (Kelantan).  
 .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).  
 .. TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

YANG TIDAK HADHIR

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).  
 .. TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).  
 Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.M.N. (Di-lantek).  
 Yang Berhormat TUAN HONG KIM SUL, A.D.K. (Di-lantek).  
 .. DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).  
 .. TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).  
 .. RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).  
 Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).  
 Yang Berhormat TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

YANG HADHIR BERSAMA

- Yang Berhormat Menteri Keadilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).  
 .. Menteri Kebajikan 'Am, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,  
 TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).  
 „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,  
 ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.  
 (Trengganu Tengah).  
 „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri,  
 TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).  
 „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan.  
 TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*  
*kan Meshuarat*)

PEMASHHORAN<sup>2</sup> OLEH  
 TUAN YANG DI-PERTUA  
 JAWAPAN DARIPADA D.Y.M.M.  
 SERI PADUKA BAGINDA YANG  
 DI-PERTUAN AGONG TERHADAP  
 UCHAPAN TERIMA KASEH

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan saya bachakan sekarang:

## "QAULUHUL-HAQ

Warakatul-ikhlas walmuhibbah ia-itu daripada Beta Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-marhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah<sup>2</sup>an barang di-wathalkan oleh Rabul-alam in ka-Majlis Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Yassin, D.K., S.P.M.J., P.I.S., J.P., Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirahatukhir pada masa ini di-bandar Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Waba'adah ahwal Beta sangat<sup>2</sup> sukachita menerima warkah Dato' bertarikh 10hb Jun tahun 1968 kerana menyampaikan ketetapan ucapan terima kaseh Majelis Dewan Negara Malaysia, kerana Titah Uchapan Beta pada masa membuka Penggal Yang Kelima Parlimen Yang Kedua. Beta meminta kelapangan Dato' apa-lah juga kira-nya Dato' dapat menyampaikan terima kaseh Beta kepada sakalian Ahli<sup>2</sup> Majelis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan yang tersebut dan jua perasaan yang tulus-ikhlas yang telah di-tunjokkan kepada Beta itu akan di-kandongkan di-dalam ingatan Beta sa-lama<sup>2</sup>-nya.

Demikian-lah sahaja Beta ma'alumkan di-sudahi dengan salam jua ada-nya.

Termaktub pada 12hb Jun tahun 1968."

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
 RA'AYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya telah terima satu Perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya menjemput Setia-usaha Dewan Negara membachakan Perutusan itu.

(*Setia-usaha Dewan Negara membachakan Perutusan*)

"Kuala Lumpur 14hb Jun, 1968.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang<sup>2</sup> yang berikut:

- (1) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang Di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1968 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud<sup>2</sup> yang tertentu.
- (2) to amend the Education Act, 1961.
- (3) to amend the Control of Rent Act, 1968.
- (4) to make provision for enabling the Sabah Ports Authority to carry out its statutory functions of providing, maintaining and managing efficient port services and facilities in Sabah, and for that purpose to confer upon the Authority all necessary protection and powers in relation to matters about which Parliament, but not the Legislature of the State of Sabah, has power to make laws.
- (5) bagi menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan-nya.
- (6) bagi melepaskan tanggungan Kerajaan Persekutuan dan pegawai<sup>2</sup>-nya yang tertentu berkenaan dengan duti impot yang tertentu yang di-kenakan dan yang di-pungut dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh mulai dari pukul empat petang pada 18 haribulan Januari, 1968, hingga 13 haribulan Jun, 1968,

dan menyerahkan-nya kepada Dewan Negara bagi di-persetujukan.

(t. t.) *Yang di-Pertua,  
Dewan Ra'ayat*

## URUSAN MESHUARAT

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon memberitahu bahawa saya akan menhadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> yang berikut ini di-bachakan kali yang kedua dan ketiga-nya di-Meshuarat Dewan Negara sekarang ini.

- (1) The Supplementary Supply (1968) Bill.
- (2) The Customs Duties (Penang) (Indemnity) Bill.
- (3) The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) Bill.
- (4) The Education (Amendment) Bill.
- (5) The Control of Rent (Amendment) Bill.
- (6) The Subang Golf Course Corporation Bill.

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### BANK<sup>2</sup> PERDAGANGAN DI-MALAYSIA BARAT—BUNGA DI-ATAS PINJAMAN DAN SIMPANAN TETAP

**1. Tuan Lim Hee Hong** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah dia sedar bahawa semua bank<sup>2</sup> perdagangan dalam Malaysia Barat mengenakan faedah lebih daripada 10% sa-tahun kepada kira<sup>2</sup> pinjaman dan overdraft sedangkan kadar faedah bank<sup>2</sup> perdagangan yang di-beri kepada penyimpan<sup>2</sup> simpanan tetap hanya sa-banyak 5% ka-6% sa-tahun sahaja.

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa semua Bank<sup>2</sup> di-Malaysia Barat mengenakan bunga lebih dari 10% sa-tahun pada pinjaman dan overdraft mereka. Kadar bunga yang terendah sa-kali yang di-tetap oleh peratoran<sup>2</sup> Persatuan Bank<sup>2</sup> di-Malaysia pada masa ini ia-lah 8% sa-tahun manakala kadar istimewa

yang di-kenakan kepada pinjaman dan pendahuluan kepada Kerajaan dan Lembaga<sup>2</sup> 'Awam pendahuluan berdasarkan saham<sup>2</sup> Kerajaan dan Perbendaharaan dan hasil<sup>2</sup> Pertanian pada masa ini ia-lah 7%. Sa-benar-nya kadar pukul rata yang di-kenakan oleh Bank<sup>2</sup> bagi pinjaman dan pendahuluan di-Malaysia pada hujung tahun 1967 ia-lah 9.2% sa-tahun dan ini-lah menunjukkan bahawa sa-tengah<sup>2</sup> pinjaman di-kenakan kadar bunga lebih rendah dari 9.2% sa-tahun. Mungkin sa-banyak kadar sa-rendah 8% sa-tahun yang di-tetapkan manakala pinjaman<sup>2</sup> lain di-kenakan kadar bunga lebih dari 9.2% sa-tahun. Saya ingin menerangkan bahawa kadar bunga-nya di-kenakan oleh mana<sup>2</sup> Bank kepada pelanggan<sup>2</sup>-nya bergantung kepada nilai credit pelanggan itu dan tentu-lah Bank akan mengenakan lebih tinggi kadar bunga bagi perniagaan yang lebih membimbangkan. Saya sedar bahawa Bank di-Malaysia membayar kadar bunga antara 5% dan 6% sa-tahun bagi simpanan bermasa. Sa-benar-nya mengikut peratoran Persatuan Bank di-Malaysia kadar tertinggi bunga pada masa ini yang di-benarkan Bank<sup>2</sup> membayar bagi simpanan bermasa ia-lah 5½% sa-tahun bagi simpanan sa-lama 3 bulan, 5.34% sa-tahun bagi simpanan sa-lama 6 bulan dan 6% sa-tahun bagi simpanan sa-lama 9 hingga 12 bulan.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Jawapan Tuan Menteri tadi, dia kata dia tidak sedar bahawa ada Bank<sup>2</sup> yang mengambil overdraft sa-banyak 10% ka-atas. Sa-kira-nya jikalau ada sa-benar-nya yang Bank<sup>2</sup> itu mengambil faedah lebih 10% ka-atas, apa-kah langkah yang Kerajaan akan mengambil terhadap Bank<sup>2</sup> itu?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tidak ada apa pun langkah yang akan di-ambil. Terpujang-lah kepada orang yang hendak meminjam sama ada mahu terima pinjaman itu atau tidak sebab tidak ada peratoran yang di-buat di-antara Bank<sup>2</sup> tentang menetapkan *maximum* interest yang di-kenakan. Chuma yang ada di-tetapkan ia-lah minimum ia-itu sa-banyak 8%.

**Tuan Lim Hee Hong:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, has the Bank Negara any control over bank interest rates? To the best of my knowledge, most banks or all the banks charge most of their customers more than 10% interest. Also, I would like to point out that it will defeat Government's policy to encourage the public to own property in this country, unless this matter of exorbitant bank interest rates is controlled; otherwise, it will be cheaper for the public to rent houses instead of owning their own properties. Thank you, Sir.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saudara Tuan Lim Hee Hong, ada-kah dia bertanya tambahan atau pun dia menerangkan apa maksud-nya?

**Tuan Lim Hee Hong:** I was asking a supplementary question as to whether Bank Negara has any control over bank interest rates. It appears from the Minister's reply that the Bank Negara has no knowledge of these high charges. In fact, it is being done all over the country at more than 10%—only the Bank Negara is ignorant of that rate.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan tambahan yang di-keluarkan pada mula<sup>2</sup> tadi.

**Tuan Nik Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya Kerajaan tidak ada, kalau Bank Negara tidak ada satu<sup>2</sup> kuasa menentukan had-nya mengambil interest oleh antara Bank ini, ada-kah Kerajaan berchadang hendak membawa satu pindaan kepada Undang<sup>2</sup> Bank Negara supaya Bank Negara itu mempunyai kuasa<sup>2</sup> yang tertentu dalam undang-nya untuk memberi satu kuasa yang menghadkan chara kena mengena bunga kepada pinjaman<sup>2</sup> yang di-buatkan oleh Bank itu?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya chagaran security yang di-letakkan kepada Bank tidak begitu tegoh, tentu-lah Bank berkehendakkan interest yang

lebih tinggi kerana mereka takut wang mereka akan hilang. Kalau sa-kira-nya security itu elok, ada jaminan yang kuat, tentu-lah bunga-nya rendah; kalau sa-kira-nya Bank Negara mengambil satu keputusan mengadakan satu *maximum* ma'ana-nya Bank ta' memberi pinjaman bunga lebih daripada sakan percent yang di-tentukan, maka orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai security yang tegoh tidak dapat langsung meminjam wang daripada Bank, dan ini harus lebih menyusahkan lagi kepada orang ramai.

**Tuan Nik Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya tidak ada undang<sup>2</sup> yang di-hadkan chara mengenakan bunga itu oleh Undang<sup>2</sup> Bank Negara, tidak-kah Bank<sup>2</sup> ini berhak mengenakan bunga yang lebih walau pun mempunyai chagaran<sup>2</sup> yang terjamin, umpama-nya oleh si-peminjam itu, kerana Undang<sup>2</sup> itu tidak ada di-hadkan?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya telah menjawab tadi, kalau mahu meminjam terpulang-lah kepada bank itu hendak beri pinjam atau tidak; kita tidak boleh paksa bank mesti beri pinjam. Kemudian tentang soal bunga pula terpulang-lah kepada orang yang hendak memberikan pinjaman itu kalau chagaran-nya kuat tentu-lah bunga-nya sedikit, kalau chagaran tidak kuat tentu-lah bunga-nya tinggi, dan bagi pehak Bank memang suka orang pinjam wang daripada Bank. Kalau sa-kira-nya Bank tidak mengeluarkan wang pinjaman bank tidak boleh berjalan, bank tidak dapat interest dan tidak dapat hendak bayar gaji pegawai<sup>2</sup> yang bekerja di-dalam Bank itu.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-tahu saya, Kerajaan sendiri yang telah mengeluarkan licence kepada Bank<sup>2</sup>, tetapi ada-kah Kerajaan dengan sendirinya suka hati-nya membiarkan Bank<sup>2</sup> itu memeras orang ramai dengan tidak mahu mengadakan undang<sup>2</sup> menghadkan bunga yang di-kena kepada peminjam<sup>2</sup> seperti itu?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

## BAYARAN BIL OLEH PENUMPANG<sup>2</sup> DI-HOTEL<sup>2</sup>

**2. Tuan Lim Hee Hong** bertanya kepada Menteri Keadilan ada-kah benar bahawa menurut undang<sup>2</sup> yang ada sekarang sa-siapa juga dalam Malaysia Barat boleh tinggal di-mana<sup>2</sup> rumah tumpangan tanpa membayar bil-nya sa-kira-nya dia hendak berbuat demikian.

**Menteri Keadilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya, tidak benar.

**Tuan Lim Hee Hong:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think this law should be amended. Any good law should be equal to both sides.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada-kah Tuan membahathkan perkara ini?

**Tuan Lim Hee Hong:** In this case, the law is only one-sided—it is only in favour of the man who stays in the hotel.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu bagaimana kedudukan kita sekarang; ada-kah yang berchakap ini berchakap pada soalan yang pertama, atau pun soalan yang kedua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan kedua.

**Tuan Lim Hee Hong:** Mr President, Sir, what I would like to point out is that this law is one-sided, and all the hotel-keepers in this country—there are probably about 10,000 of them—are absolutely at the mercy of unscrupulous culprits, who go to the hotels with the intention to cheat the hotels, and the law can do nothing to touch them. So, I appeal to the Ministry concerned to see to it that this law is amended, making it equal to the hotel-keepers as well as to the people who stay in the hotel. As it is now, the law is very one-sided and it is not a good law.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Itu soal lain, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Athi Nahappan:** (*Dengan izin*) A further supplementary question, Mr President, Sir. I note the sense of the

Honourable Senator, Tuan Lim Hee Hong, behind this question. I would like to frame my supplementary question thus: if a person comes to a hotel on the pretence that he is able to meet his bills and then subsequently it is found out that he is unable to pay his bill, does it amount to a civil debt or would it amount to false pretence, or one of cheating under the criminal laws of the country? If there is a doubt, would the Honourable Minister of Justice say whether the law will be amended so as to make it a criminal liability, so that the hoteliers of this country would not be exploited by unscrupulous customers?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Itu soal lain, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Dato' Athi Nahappan:** Mr President, Sir, this is a further question arising out of the original question and I merely ask it because it creates a doubt. The Minister can say whether there is a doubt, and if there is a doubt, whether it can be amended so as to make it a criminal liability. Surely this is a further question arising out of the question, Sir?

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) On a point of clarification, Sir. As far as I know, if a man does not pay his bill you have to prove that, when he went to stay in the hotel, he was in no position whatsoever to pay his bill, and then you can probably prosecute him; but you have got to prove that he was in no position to pay when he went there. That is the position as far as I know, under the law.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Dato' Yang di-Pertua, saya hendak tanya “soal yang mudah sahaja”. Saya fikir ini berbangkit daripada soal yang kedua ini. Soal saya, satu sahaja: jika sa-orang masuk ka-hotel dan dia tinggal berapa lama, dia tidak bayar, bukan dia ta' dapat bayar, dia ta' bayar bil<sup>2</sup> hotel itu, ada-kah itu boleh jadi “criminal” atau menjadi “civil”. Saya hendak minta

Menteri Keadilan menjawab itu sahaja. kerana kalau criminal, dia boleh ditangkap itu jam juga; kalau civil tuan hotel mesti pergi-lah ka-mahkamah dan saman hendak di-ambil, dan dalam pada itu orang itu pun chabut lari.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Dato' Yang di-Pertua, itu mengikut keadaan—depending on the circumstances of the case.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Chuba terangkan macham mana keadaan itu, mithal-nya sahaja di-minta. (*Ketawa*)

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Dato' Yang di-Pertua, itu bukan soal tambahan.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya Al-Haj:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, may I interrupt on this question about the hotel expenses. So far as my knowledge goes, Sir, it is very difficult for the prosecuting officer; he must prove cheating first of all before the man can be prosecuted criminally; otherwise, if anybody goes to a hotel, Sir, and he does not pay, that comes under civil proceedings.

**Dato' Athi Nahappan:** If the facts show that the customer came in ostensibly and pretentiously that he had the ability to meet the bill but he did not have any ability at all, and it turns out that his intention from the very beginning was one of criminal attitude, then would he be prosecuted, because the Government here surely has got some responsibility to protect the hoteliers of the country? Would the Honourable Minister of Justice say if the facts justified criminal prosecution, whether he would be prosecuted?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Soal itu tidak timbul.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) May I ask this supplementary question: if this law passed by the colonial Government has not been modified to suit our present conditions, is it the intention of the Government to revise the law? I know of cases in which well dressed people go into a

hotel, stay there and say that they have lost their purse—stolen in the rooms. You cannot prove that it has not been stolen; and they say, "We have lost the money. Your people in the hotel are responsible because my money was in my wallet in my pocket and it was stolen; I can't afford to pay." Now, what is going to happen to the hotelier? I think if it is a responsible Government, it should pass a new Enactment to protect hotels, when we are going to encourage tourism in this country.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya Al-Haj:** It is not the responsibility of the Government, Sir, to produce this law, as asked by the Honourable Member just now. It is up to the hotel-keeper either to ask for deposit or to refuse admittance at all.

**Tuan Lim Hee Hong:** Dato' President, Sir, I do not think that it is the right thing for any business to do—when any man goes to a hotel to ask whether he has got any money or not. It is easy to say, demand money in advance, but that is not the way to do business. If you are the only hotel in Kuala Lumpur or any town, you can do it, but when there are other rival hotels that is the last thing any hotel or some businessman will do.

**Dato' Athi Nahappan:** On a point of clarification. What I heard from the Honourable Dato' Sheikh Abu Bakar was a statement and it amounted to more as a reply as though from a Minister (*Ketawa*). Would the Honourable Minister state what he has to say in reply to the Honourable Dato' Dr Cheah Toon Lok? May we hear the Honourable Minister's reply to the Honourable Senator's view?

### ACT KAWALAN SEWA, 1966— SIARAN YANG LUAS TERHADAP HAK<sup>2</sup> PENYEWA<sup>2</sup> DAN TUAN<sup>2</sup> RUMAH

3. **Tuan Lim Hee Hong** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah dia akan menyiarkan dengan luas-nya menerusi akhbar akan hak<sup>2</sup> tuan rumah dan

penyewa, di-sisi undang<sup>2</sup>, dengan tujuan hendak mengurangkan pertikaian<sup>2</sup> di-antara penyewa dengan tuan rumah apakala tuan rumah berhajat hendak mengambil balek rumah sewa menurut Act Kawalan Sewa, 1966, dan juga untuk menggalakkan pehak<sup>2</sup> yang berkenaan menchapai penyelesaian dengan baik sangka tanpa membawa sesuatu perkara itu ka-Mahkamah Sewa untuk mendapatkan keputusan.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):** Dato' Yang di-Pertua, Act Kawalan Sewa itu telah di-luluskan oleh Parlimen pada bulan Jun, 1966. *Publisiti* yang luas telah pun di-beri oleh akhbar<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> hubcngan raya mengenai perdebatan<sup>2</sup> di-dalam kedua<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat dan Dewan ini. Apakala Act itu mula di-kuatkuasakan pada 1hb Januari, 1967, pegawai<sup>2</sup> Kementerian saya telah menggunakan talivishen dan radio untuk menerangkan dalam semua bahasa butiran peruntukan Act itu. Sejak daripada masa itu, saya belum lagi mendengar sa-barang aduan daripada pemilek atau penyewa yang mereka tidak dapat memahami hak<sup>2</sup> mereka di-bawah undang<sup>2</sup> ini. Oleh itu saya tidak fikir perlu memberikan *publisiti* yang lebeh lanjut di-atas sa-barang aspek Act itu.

Tentang shor Ahli Yang Berhormat supaya pehak<sup>2</sup> pemilek dan penyewa di-galakkan menchapai suatu penyelesaian yang wajar berthabit dengan pengambilan balek milekan bangunan<sup>2</sup> terkawal tanpa melibatkan Tribunal<sup>2</sup> Sewa untuk mendapatkan pemberian<sup>2</sup>, pada masa ini tidak ada sa-suatu yang menghalang pemilek<sup>2</sup> dan penyewa<sup>2</sup> daripada berbuat demikian tanpa merujuk kepada Tribunal<sup>2</sup> Sewa itu. Sa-benar-nya saya sendiri sedar akan peristiwa<sup>2</sup> demikian Tribunal<sup>2</sup> Sewa dan Lembaga<sup>2</sup> Rayuan ada-lah wujud untuk menjaga kepentingan<sup>2</sup> pemilek dan juga penyewa jika perlu dan untuk menolong mereka sa-kira-nya mereka tidak dapat menchapai satu penyelesaian sa-sama sendiri.

**Tuan Lim Hee Hong:** I want to enquire further the practical need to ask for the decision of a Rent Tribunal

in the case of increment of rent when the decision of the Rent Tribunal is restricted to either 100% increase or 1/12 of the annual value, whichever is the less.

**Tuan Khaw Kai-Boh:** (*Dengan izin*) In connection with the further enquiry, I think the law is very clear on that. I think the law provides that any increase of rent should not exceed more than 100% or 1/12 of the annual value of the property whichever is the lesser of the two. I think the law is very clear and therefore it requires no further explanation. Any increase must be confined to those limits.

**Tuan Lim Hee Hong:** What I mean is that if you make it clear to the public, and if they know their own position, they would not go and waste the time of the Tribunal, because they will know what is the increase they can expect to get when they go there. As it is, I think there are still vast numbers of the public who do not quite understand the position. So, not knowing it, they are wasting their own time, the time of the Tribunal, and everybody's time and probably only helping the lawyers to make a few dollars—that is my idea. I know the position; I am not unaware of that. I want the public to know so that, instead of going to the Rent Tribunal, they can settle among themselves when they know the maximum rent they can get and also the maximum rent they have to pay.

#### **TINDAKAN<sup>2</sup> UNTUK MENOLONG ORANG<sup>2</sup> BERPENYAKIT KUSTA YANG SUDAH PULEH**

**4. Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kepada Menteri Kebajikan Am apakah tindakan<sup>2</sup> tegas yang telah di-ambil untuk menolong orang<sup>2</sup> berpenyakit kusta yang sudah baik apabila keluar daripada rumah sakit kusta di-Sungai Buloh.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ada pun pemu- lehan terhadap kes<sup>2</sup> penyakit<sup>2</sup> kusta yang keluar daripada Rumah Sakit Kusta Sungai Buloh di-jalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan

Persatuan Bantuan Penyakit<sup>2</sup> Kusta Malaya. Persatuan ini menerima bantuan wang tahunan sa-banyak \$400,000 daripada kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan dan Masharakat untuk tujuan ini. Sa-berapa yang boleh, bekas<sup>2</sup> penyakit kusta yang keluar ada-lah mendapat pekerjaan di-dalam lapangan<sup>2</sup> di-mana mereka telah mendapat latehan sa-masa mereka berada di-rumah sakit kusta dan di-beri bantuan atau pinjaman untuk membolehkan mereka membuat pekerjaan pertukangan mengikut kemahiran mereka.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Menteri yang berkenaan sedar kawasan penempatan pemulehan orang<sup>2</sup> bekas penyakit kusta di-Sungai Buloh ini, tidak ada kemudahan tempat beribadat, tidak ada kemudahan tempat berkumpul, tempat belajar dan tanah<sup>2</sup> mereka yang ada sedikit sa-banyak yang di-berikan bantuan oleh Kerajaan tidak dapat di-usahakan kerana tidak ada kemudahan<sup>2</sup> yang di-berikan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara rumah<sup>2</sup> ibadat yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak termasuk di-dalam pertanyaan-nya, itu soalan lain.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kerana bantuan<sup>2</sup> yang di-maksudkan kepada bekas<sup>2</sup> penyakit kusta ini, sedangkan kawasan pemulehan bekas penyakit kusta ini di-adakan yang saya tahu di-Sungai Buloh mereka ketiadaan kemudahan<sup>2</sup>-nya, tempat berkumpul, Balai Raya tidak ada, tempat hendak beribadat tidak ada, sekolah untuk anak<sup>2</sup> mereka tidak ada, ada juga bantuan yang di-berikan berhubung dengan tanah<sup>2</sup>, kalau tidak salah, empat ekar tiap<sup>2</sup> sa-orang, tetapi tidak dapat di-usahakan kerana tidak ada bantuan<sup>2</sup> kemudahan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, di-Sungai Buloh Malaysian Leprosy Relief Association ada tempat<sup>2</sup> untuk melateh orang<sup>2</sup>, ia-

itu tempat pertukangan kayu dan besi ia-itu woodwork and metal workshop, ada poultry farm atau pun tempat menternak ayam di-mana ada sekarang ini lebeh kurang 8,000 ekor ayam. Satu Horticultural farm ia-itu tempat tanaman bunga<sup>2</sup> dan juga sa-buah kebun getah dan juga oil palm estate, di-mana mereka ini ada-lah di-beri latehan dan apabila mereka keluar daripada tempat<sup>2</sup> ini mereka dapat membuat kerja<sup>2</sup> di-tempat yang lain apabila mereka telah mendapat latehan. Jadi ini ada kemudahan<sup>2</sup> untuk memberi latehan<sup>2</sup> kepada mereka.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am ia-itu di-dalam perkara jaminan pekerjaan kepada orang<sup>2</sup> yang telah keluar daripada rumah penyakit kusta ini, selalu di-dapati orang<sup>2</sup> ini payah hendak mendapat pekerjaan, walau pun mereka telah mendapat latehan di-rumah<sup>2</sup> di-Sungai Buloh, tetapi apabila mereka balek ka-masharakat umum keadaan rupa paras mereka, keadaan tuboh badan mereka itu sudah chachat dan apa-kah jaminan yang mereka dapat untuk balek sa-mula dalam masharakat untuk mendapat pekerjaan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh memberi jaminan kerana kita tidak boleh memaksa majikan memberi kerja kepada sa-siapa pun, tetapi yang kita boleh, kita boleh menggalakkan dan ini ada di-buat. Kita minta majikan<sup>2</sup> supaya memberi orang<sup>2</sup> ini peluang untuk bekerja mengikut latehan<sup>2</sup> yang telah di-beri kepada mereka itu. Jikalau orang<sup>2</sup> ini tidak ada kerja, apabila dia keluar kita ada beri mereka itu bantuan wang untuk dia hidup sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-lama enam bulan. Sa-lain daripada itu jikalau dia ada latehan sa-bagai boleh jahit menjahit, MARA ada beri dia meshin jahit. Jikalau tangan dia chachat pula atau putus ada juga biasa-nya, pertubohan ini memberi monyet yang boleh memanjat pokok kelapa untuk menolong dia menchari sara kehidunan.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham daripada jawapan tadi ia-itu Kerajaan tidak boleh beri jaminan kepada bekas<sup>2</sup> orang penyakit kusta ini supaya mendapat pekerjaan, tetapi saya ada dengar pula tambahan tadi beliau mengatakan Kerajaan sedia memberi galakan kepada majikan<sup>2</sup> supaya dapat orang itu pekerjaan, saya hendak bertanya bagaimana rupa galakan itu yang di-berikan oleh Kerajaan kepada majikan<sup>2</sup> dalam Tanah Melayu ini supaya orang<sup>2</sup> itu di-ambil bekerja di-tempat<sup>2</sup> mereka? Bagaimana rupa galakan itu saya hendak bertanya?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, galakan ini tidak berupa (*Ketawa*), manusia ada berupa, pokok ada berupa tetapi galakan itu hanya dengan chara propaganda, chara publicity, chara rayuan, ini memang ada di-buat.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bukan sahaja masalah hendak mendapatkan pekerjaan yang begitu sukar bagi bekas orang<sup>2</sup> penyakit kusta ini, tetapi saya rasa yang paling mustahak untuk kebajikan mereka ia-itu mereka ini keadaan-nya tersingkir dan putus perhubungan dengan dunia luar kerana orang ramai tidak berani hendak berchampur gaul dengan masharakat orang<sup>2</sup> bekas penyakit kusta ini dan ada-kah Menteri yang berkenaan sedar ia-itu Wakil Ra'ayat-nya sendiri ia-itu Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo di-kawasan ini dia juga takut hendak pergi ka-kawasan mendekati orang<sup>2</sup> bekas penyakit kusta ini.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal Dr Tan Chee Khoo, jikalau dia tidak pergi itu dia punya fasal. Tetapi saya rasa Yang Berhormat Senator Saidon Kechut saya ingat dia berani pergi, dia tidak takut.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, susah-nya pergaulan di-antara bekas orang penyakit kusta ini dengan orang ramai yang bukan bekas penyakit kusta. Jadi chara

hendak memperhubungkan mereka ini dalam pergaulan sa-hari<sup>2</sup>. Apa-kah ada ranchangan daripada pehak Kementerian dalam perkara ini.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak berkehendakkan ranchangan, kita hanya beri tahu ia-itu orang yang telah mengidap penyakit kusta ini apabila telah puleh, penyakit itu tidak berjangkit lagi kepada orang. Ini kita ada beri tahu.

### RANCHANGAN MEMBERI PELUANG KEPADA BUDAK JAGA KERETA MENCHARI NAFKAH

5. **Tuan Saidon bin Kechut** asks the Minister for Welfare Services to state whether Government is aware that the "jaga kereta" boys in car parks in the towns are in fact earning their livelihood by looking after and washing cars, and if so, whether Government has plans to provide these boys with better opportunities of earning their livelihood.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bukan semua budak<sup>2</sup> jaga kereta yang mendapat nafkah hidup mereka dengan menjaga kereta di-tempat<sup>2</sup> letak kereta. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada mereka ada-lah budak<sup>2</sup> sekolah dan mereka menchuchi kereta sa-bagai sambilan sahaja untuk menchari tambahan wang kocek mereka. Sa-bilangan daripada mereka yang bergantung kepada kerja menchuchi kereta ini untuk nafkah hidup mereka tidak ada mempunyai kelulusan<sup>2</sup> pelajaran untuk mengambil peluang kepada berbagai<sup>2</sup> kemudahan latehan pekerjaan yang di-tawarkan oleh Kerajaan kepada mereka. Oleh kerana itu maka terpaksa-lah mereka ini menchari pekerjaan bersama<sup>2</sup> orang lain di-dalam pasaran buroh yang tidak mempunyai kemahiran.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar sa-bahagian besar daripada pemuda<sup>2</sup> yang menjaga dan menchuchi kereta itu ada-lah daripada kalangan pemuda<sup>2</sup>

yang juga mempunyai pelajaran, yang berhiim tinggi yang tahu dan meng-insafi tanggung-jawab dia dalam semua hal yang mengenai masyarakat dalam negara kita.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi bagitu, kerana pada masa ini kita sedar dan kita tahu ia-itu berpuluh<sup>2</sup> ribu dan beribu<sup>2</sup> budak<sup>2</sup> yang lulus dalam sekolah yang mendapat Sijil Persekolahan yang belum pun ada kerja. Dan jikalau sa-saorang itu ia hendak menambah atau mencari pendapatan sedikit sa-banyak apa salah-nya jikalau dia hendak membuat satu pekerjaan.

**Dato' Athi Nahappan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat satu penjelasan daripada Tuan Saidon bin Kechut. Daripada soalan ini ada-kah Yang Berhormat Tuan Saidon itu berfikir fungsi<sup>2</sup> atau operasi<sup>2</sup> jaga kereta di-larangkan sama sa-kali. Kalau bagitu apa-kah sebab Tuan Yang Berhormat itu suka melarangkan.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menumpang bertanya ada-kah perkara ini boleh di-jalankan macham ini kerana biasa-nya mengikut Standing Order, saya tahu tiap<sup>2</sup> soalan itu hendak di-hadapkan kepada Menteri yang berkenaan, bukan-nya kepada penyoal.

**Tuan Yang di-Pertua:** It is out of order, Dato' Athi Nahappan.

**Dato' Athi Nahappan:** Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sa-bagai satu penjelasan yang timbul daripada soalan yang di-sebutkan dalam surat ini—sa-bagai satu penjelasan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** We are not discussing the matter—this is no time for discussion or debate.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ia-itu saya ingin hendak dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan oleh kerana banyak-nya pengangoran oleh sebab negara kita kurang-nya sumber<sup>2</sup> pekerjaan. Bukan semua-nya untuk hendak mencari pendapatan tam-

bahan kata Menteri yang berkenaan tadi, yang sa-benar-nya sa-bahagian besar daripada penchuchi<sup>2</sup> dan penjaga<sup>2</sup> kereta itu menggantungkan nafkah hidup-nya dan keluarga-nya kepada hasil menjaga dan menchuchi kereta. Dengan sebab hendak mengurangkan pengangoran, ada-kah Menteri yang berkenaan berchadang hendak menjadikan perusahaan menchuchi dan menjaga kereta ini sa-bagai satu pekerjaan yang tetap yang boleh di-kawal dan di-galakkan sa-chara yang lebeh memuaskan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tanggung-jawab Kementerian Kebajikan 'Am—ini tanggung-jawab Kementerian Buroh.

## RANG UNDANG<sup>2</sup>

### RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN, (1968)

#### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun men-chadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan, 1968 di-bacha bagi kali yang kedua.

*Fasal 2—*Fasal 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini memberi kuasa bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$9,635,964 untuk perkhidmatan tahun 1968. Jumlah ini ada di-tunjokkan dalam Jadual Undang<sup>2</sup> itu dan juga dalam bahagian Perbelanjaan Bekalan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama, 1968 yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 31 tahun 1968.

Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat akan perhatikan bahawa daripada jumlah \$10,021,759 yang di-senaraikan dalam Anggaran Tambahan ini, maka jumlah \$385,795 ada-lah di-kehendaki bagi perbelanjaan yang telah di-tang-gohkan ka-atas Kumpulan Wang Yang di-Satukan (Charged Expenditure), dan jumlah ini tidak-lah di-masok dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan ini. Perbelanjaan yang tersebut ia-lah di-bawah Kepala T. 2—Perbendaharaan, yang berkehendakkan tambahan sa-banyak \$385,795 untuk mematohi

keputusan mahkamah mengenai bayaran tambahan harga tanah yang telah di-ambil oleh Kerajaan bagi membaiki simpang Jalan Pekeliling dengan Jalan Pahang, Kuala Lumpur.

Di-dalam bahagian perbelanjaan Bekalan, tambahan yang terbesar ia-lah di-bawah Kepala B. 24—Peruntukan Kapada Kumpulan Wang Terkanun yang berkehendakkan sa-banyak \$7 juta untuk bayaran yang kedua kapada Kira<sup>2</sup> Amanah Perniagaan Getah Kerajaan.

Oleh kerana peruntukan yang ada sa-banyak \$15 juta sekarang ini di-dapati tidak mencukupi untuk perjalanan perniagaan tersebut. Patutlah saya tegaskan bahawa wang yang di-utuskan kapada Kira<sup>2</sup> Perniagaan Getah ini bukan-lah “perbelanjaan” mengikut erti kata yang sa-benar, tetapi ia-lah wang pendahuluan yang akan dapat di-kutip sa-mula.

Satu Kepala baru B. 75—Jabatan Pertahanan ‘Awam kena di-adakan dengan peruntukan sa-banyak \$824,873 untuk perbelanjaan gaji dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan berulang bagi Jabatan ini oleh kerana penyusunan semula Kementerian<sup>2</sup> baru<sup>2</sup> ini Jabatan ini dahulu-nya di-bawah Kementerian Pertahanan dan telah di-pindahkan kapada Kementerian Keadilan semenjak 1hb April, 1968. Jumlah yang sama di-bawah anggaran Kementerian Pertahanan telah di-bekukan.

Kepala B. 23—Perkhidmatan ‘Am Perbendaharaan berkehendak sa-banyak \$592,000 dan daripada jumlah ini \$522,000 ia-lah untuk pemberian kapada Kira<sup>2</sup> Amanah Perayaan Merdeka 10 tahun kerana membayar perbelanjaan<sup>2</sup> yang bersabit dengan perayaan itu, dan baki sa-banyak \$70,000 itu ia-lah untuk bayaran<sup>2</sup> pampasan yang timbul daripada tuntutan<sup>2</sup> terhadap Kerajaan. Kebanyakan daripada tuntutan<sup>2</sup> ini ia-lah berkenaan dengan kemalangan jalan raya yang melibatkan kereta<sup>2</sup> Kerajaan.

Kepala B. 13—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan berkehendakkan sa-banyak \$420,000 pemberian kerana

perbelanjaan Yayasan Sukatan dan Darjah Malaysia (Standards Institution of Malaysia) yang telah di-tubuhkan sa-bagai badan berkanun apabila berjalan kuatkuasa Undang<sup>2</sup> Piawaiian, 1966 (Standards Act, 1966).

Butir<sup>2</sup> perbelanjaan yang lain dalam anggaran tambahan ini yang tidak saya sebutkan itu ada-lah kecil sahaja jumlah-nya tetapi keterangan<sup>2</sup> berkenaan dengan-nya boleh di-dapati di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 32 tahun 1968. Anggaran Perbelanjaan yang asal bagi tahun 1968 berjumlah \$1,932.2 juta. Apabila di-champorkan jumlah ini dengan perbelanjaan tambahan “bekalan” dan perbelanjaan “tanggungan” dalam anggaran ini, maka jumlah peruntukan bagi tahun 1968 akan menjadi \$1,942.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menhadangkan.

**Puan Aisha binti Haji Abdul Ghani:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, although I support this Supplementary Supply Bill, I would like clarification from the Government on certain points arising from this Supplementary Supply Bill. From the Reports of the Auditor-General, I have found that most of the States have always put up deficit budget estimates every year to run the States knowing very well that they have no reserves to meet this deficit. So, it becomes a burden on the Federal Government to make good this deficit. In one State, in fact, they have accumulated such a big deficit that they had to pawn the State to make good the deficit and even then they did not have enough money to pay the civil servants for overdue salaries and they had to come and beg the Federal Government to pay the salaries of the civil servants. Now, I want to know what is the attitude of the Federal Government towards these States? We expect the States to function properly, so that they could meet their expendi-

ture. In these Reports too it has been stated that revenue that should have been collected by Land Offices has not been collected at all and title deeds have been given to land owners and the Auditor-General does not know whether up-to-date the land owners are occupying the land or not, although they have not paid the land rents. Now, this is a very embarrassing state of affairs for the Federal Government, because we expect every State to shoulder her responsibility, and I think it is high time that we have a disciplined democracy in this country—a democracy that must insist that the State functions according to the instructions of the Federal Government and according to our Enactments and the laws. But I understand from the Auditor-General that in certain States they never adhere to the financial Enactments of the States, although they have been warned many times by the Auditor-General that they are disobeying the laws of the States. I want to know what is the attitude of Federal Government to all these States, because if we allow these States to function in that way the commitments of our Federal Government will be tremendous and, as our Finance Minister has stated, we have reached the top of our taxation and we cannot tax the people more because there will be a limit beyond which we will be losing money on taxation. I think it is high time that the attention of the Financial Officers in each State be drawn to this state of affairs and they should be given a seminar as to how to take care of the finances of each State. If we allow this thing to go on forever, how can we expect each State to prosper and how can we expect the Federation Government to prosper?

It is an axiom of economics that no economic progress can go on without parallel development in education, social, legal and political institutions, but without money in each State how can we expect economic progress to go on when each State every year has a deficit budget with no intention to collect, or let us say not without

intention, without the ability to collect the revenue that the people owe to the Government. I think the Federal Government should put a stop to this. Instead of giving each State a loan to tide out its deficits, the Government should take care to see that it is properly run before they give it, because it is the habit of the Financial Officer in each State to have always a deficit budget. I have been a member of the Executive Council for many years in my State and I have objected to this kind of thing but still it goes on because it is the only way to get money from the Federal Government to run the State. That is not correct. Sir, our Cabinet Ministers should go into this, especially our Minister of Finance.

Then, I come to this thing which is known as the "Order of Protocol". In fact, the "Order of Protocol" or the "Order of Precedence" that has been laid down in this country is according to the colonial way of looking at things—it is not an independent way of looking at things the way that we should look at. I know that at one function the Speaker of the Dewan Ra'ayat was placed right behind all the guests. He had come all the way from Kuala Lumpur to attend the function and his place was right behind. If he were to leave, it would be very unpleasant and there were some Members of Parliament in front of him and he was right behind. This Order of Protocol is one which we must look into and remedy, because I know that in some States the Senators and Members of Parliament are placed far behind all the civil servants of the State, and there are certain States in which even the Order of Tan Sri is placed behind all. This is a thing derogatory to the power, and influence and the magnificence of the Yang di-Pertuan Agong. It is not that they are deriding or looking down on these people, they are, in fact, looking down on the power of the Agong to give an honour or title to a person and that honour and title of a person should be respected—the Agong should be res-

pected. The Order that the Agong gives to a person should be respected—he should not be placed right behind others. This is a thing that we must look into now and I know in some functions by the State, in Federal functions too, they do not respect the Order given by the State Sultan. The honour of Datoship—they place the Dato right behind most of the civil servants and behind most of persons. As you do not respect the Sultan of the State, how do you expect the State to respect your Federal honours? So, there should be some clarification in this connection.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut tidak ada kena-mengena dengan Dewan ini.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** There should be some clarification. Money is being voted, but how would you spend it? There should not be all this topsyturvy. There is another point I wish to mention. The commercial houses send invitations to all of us to attend functions, but Federal Ministers do not attend and quite a lot of Members of Parliament do not want to attend because they do not know where they are going to be placed. They may be placed far behind, some Members with the high Order of Tan Sri are placed behind others who have no order . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** You are making a diversion, Dato', instead of commenting on the Bill before the House.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Although I support this, I wish to draw the attention of the Government to this kind of thing. Thank you, Sir.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan menyokong Rang Undang2 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sa-bentar tadi . . . . .

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, I would like to speak further on this point, (*Turning to Tuan Abdul*

*Ghafar bin Baba*) You have asked for a clarification, didn't you?

**Tuan Yang di-Pertua:** You are making a diversion, Dato'.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** That is no diversion at all, I can speak on this matter.

**Tuan Yang di-Pertua:** You are talking about protocol and so on, which does not come within this Bill.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** The matter of the Auditor-General's Report is different and this Order of Protocol is different; and there are other things again.

**Tuan Yang di-Pertua:** We are now debating on this Bill and not about protocol and so on!

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Order of Protocol—to print a book of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** But has that anything to do with these estimates?

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** I agree to these estimates, but I say that provision should be made so that they could print booklets and send them to all the commercial firms to let them know the order of precedence and how to place our Ministers, since some of the Ministers are placed behind the Speaker and so on.

**Tuan Yang di-Pertua:** You have already spoken on that, and there is no need for you to repeat it.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya Al-Haj:** Dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian sedikit di-atas Estimates Pelajaran, atas dasar bukan detail-nya, ia-itu memanglah sudah tertentu di-Malaysia ini estimates berkenaan dengan pelajaran itu ia-lah tertinggi daripada lain<sup>2</sup> estimates. Itu-lah sebab-nya perasaan saya dua, tiga atau empat hari dahulu kita telah adakan Rancangan Keluarga atau pun Family Planning, tetapi pada perasaan saya, Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini telah terlewat sedikit masa-nya, tetapi walau bagaimana pun saya harap-lah Family Planning itu

akan di-lancharkan dengan sa-wajar-nya pada masa hadapan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini saya suka menarek perhatian sedikit ia-lah berkenaan dengan sa-buah kampong di-Johor Bahru yang di-namakan Kampong Majidi Baharu atau pun Kampong Majidi Housing Trust. Kampong ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah jauh-nya kira<sup>2</sup> empat atau lima batu daripada bandar dan di-situ kira<sup>2</sup> lima tahun dahulu Kerajaan kita telah mendirikan rumah yang di-katakan rumah murah sa-banyak lebeh kurang 700 buah, tetapi sekarang kanak<sup>2</sup> di-situ telah berjumlah 800 dan 1,000 yang patut pergi sekolah, barangkali saya fikir masa itu Family Planning belum ada di-situ lagi, jadi banyak-lah kanak<sup>2</sup> yang maseh belum bersekolah yang berumur kechil.

Saya dapat ketahui juga, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membenarkan satu peruntokan ia-lah kerana membuat Sekolah Rendah Kebangsaan yang berjumlah lebeh daripada \$100,000 dan tender telah pun di-keluarkan sa-banyak lebeh kurang \$96,000, tetapi kerana sa-puluh class room ia-itu tiap<sup>2</sup> satu class room itu boleh muat 40 orang, jadi kalau sa-puluh 400 kanak<sup>2</sup> kalau pagi dan petang berjumlah 800 orang kanak<sup>2</sup>. Jadi manasabah budak<sup>2</sup> di-situ ada 800 orang atau pun lebeh sedikit ia-lah kerana sa-puluh class room Sekolah Rendah Kebangsaan. Tetapi hingga masa ini sungguh pun saya dapat ketahui estimates telah di-hantar kepada Kementerian yang berkenaan, tetapi sa-hingga pada masa ini belum lagi di-selenggarakan sa-hingga-lah kanak<sup>2</sup> di-situ tidak ada bersekolah. Saya harap Kementerian Pelajaran boleh menjalankan perkara itu dengan sa-chepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan suatu kampong lagi di-Johor juga yang di-katakan Kampong Kong Kong—Lembaga Kemajuan Tanah Kong Kong atau pun bahasa Inggeris-nya Kong Kong

(F.L.D.A. (Federal Land Development Authority). Tuan Yang di-Pertua, di-sini pun kampong ini Kerajaan telah membuat rumah murah sa-banyak 480 buah dan penduduk-nya pada masa ini ada-lah 4,400 orang, tetapi jalan<sup>2</sup> dan culvert di-kampong itu tersangat-lah burok, berlubang di-sana sini dan tidak-lah dapat kereta<sup>2</sup> lalu pergi ka-kampong itu. Satu peruntokan telah di-perbuat dan telah di-minta oleh Kerajaan State kepada Kerajaan Pusat oleh sebab jalan<sup>2</sup> ini bukan-nya jagaan State tetapi ia-lah Federal concern yang berjumlah lebeh kurang \$416,300 ia-lah kerana kemajuan dan kebagusan kampong yang tersebut itu, tetapi sa-hingga sampai sekarang ini juga saya mendapat tahu belum lagi ada Kerajaan menyelenggarakan jalan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya yang di-kehendaki oleh kampong itu.

Bersama<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu plan yang saya dapat sa-bagai sa-orang Ahli Jawatan-kuasa P. N. L. B. atau pun Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Johor Bahru. Jadi saya fikir kalau tidak ada Menteri di-sini, tetapi saya percaya officers daripada department J.K.R. ada di-sini, jika di-kehendaki saya akan memberi estimates detail kepada dia dan juga plan-nya sa-telah selesai Dewan ini bersidang. Sa-bagaimana saya sebutkan tadi nampak-nya sa-hingga sampai masa ini jalan<sup>2</sup> itu tinggal-lah saperti kata orang Melayu kopak-kapek. Saya selalu pergi di-situ kereta tidak dapat masuk, susah hendak jalan. Kampong itu ada-lah besar yang mengandungi 480 buah rumah. Yang demikian itu saya sa-kali lagi menyeru kepada Kementerian yang berkenaan dapat-lah kira-nya jalan<sup>2</sup> itu di-buat dengan segera-nya. Sakian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk mengambil peluang dalam perbahathan Belanjawan Tambahan ini yang dalam-nya ada beberapa perkara meminta tambahan belanja saperti yang diterangkan oleh Menteri Ta' Berjabatan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 'am-nya, memang-lah satu kebiasaan yang diizinkan pada tiap<sup>2</sup> tahun Kerajaan meminta tambahan belanja bagi mengatasi beberapa kekurangan yang di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini bukan sahaja kekurangan yang di-temui bagi tahun ini, tetapi kekurangan terpaksa di-tutup kepada perbelanjaan tahun yang lalu seperti perbelanjaan merayakan Hari Kemerdekaan, dan ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang selalu berulang<sup>2</sup> yang menyebabkan kadang<sup>2</sup> kita boleh mengatakan kurang kecekapan dan keborosan dalam chara Kerajaan membelanjakan wang ra'ayat ini. Tetapi saya perchaya seperti yang telah di-sedari bersama pehak Kerajaan berhati<sup>2</sup> sa-benar-nya sekarang ini dalam mengendalikn wang oleh kerana bila kewangan yang bertambah lemah pada masa yang akhir<sup>2</sup> ini saya harap pada masa akan datang kita tidak akan melakukan beberapa kesilapan<sup>2</sup> seperti Menyambut Perayaan Kemerdekaan pada tahun 1967 yang terpaksa di-minta pada tahun 1968.

Dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, ada tambahan sebanyak \$21,377 kepada Surohanjaya Pilehanraya. Oleh kerana ia-nya ada tersebut di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, ingin-lah saya menyentuh sedikit, ia-itu tahun ini ia-lah tahun yang akhir bagi Penggal Parlimen di-mana satu pilehanraya akan di-adakan merupakan satu pilehanraya kebangsaan pada tahun 1969 akan datang. Yang demikian tahun ini ada-lah merupakan tahun akhir untuk gerakan membanchi atau mendaftar pengundi<sup>2</sup> baharu. Kebiasaannya pehak Surohanjaya ini, sa-bagai satu badan bebas, melantek dan membayar orang<sup>2</sup> untuk menjalankan kewajipan bagi mendaftarkan pengundi<sup>2</sup> baharu, atau pemindahan<sup>2</sup> pengundi dan sa-bagai-nya

Kita tidak patut-lah menyalahkan kepada Surohanjaya Pilehanraya yang telah menjalankan tugas-nya dengan baik yang tiap<sup>2</sup> orang yang di-bayar menjalankan tugas itu di-pilih oleh sa-bahagian Jabatan, mithal-nya kalau di-bandar oleh Town Council, atau

di-kampong<sup>2</sup> Penghulu<sup>2</sup> atau Penggawa<sup>2</sup> di-Kelantan mithal-nya. Kadang<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> ini tidak menjalankan tugas-nya benar<sup>2</sup> seperti yang di-kehendaki bagi kepentingan negara ini. Mereka menjalankan, bukan semua, sa-bahagian-nya ada yang menjalankan sambil lewa yang menyebabkan kalau sa-kira-nya dia pergi mendaftar pengundi kalau tidak ada orang itu di-rumah, dia tinggalkan dan di-biarkan orang<sup>2</sup> itu kehiangan nama dan hak-nya di-dalam Buku Daftar Mengundi untuk mengundi.

Untuk mengelakkan kejadian seperti ini, pada pendapat saya, Surohanjaya Pilehanraya patut membenarkan wakil<sup>2</sup> daripada parti<sup>2</sup> politik yang ingin menyumbangkan tenaga mereka yang meminta supaya mereka di-benarkan bersama menjalankan tugas bersama<sup>2</sup> dengan pegawai tetap untuk mendaftar, membanchi dan melakukan sa-barang penubohan tentang daftar pengundi, patut juga di-bayar elaun kepada orang<sup>2</sup> yang memberi tenaga mereka itu. Saya katakan patut juga di-bayar sa-kali pun mereka itu datang dari parti politik, sebab kerja yang mereka lakukan itu tidak dari segi parti politik, tetapi membantu Surohanjaya Pilehanraya bagi menjayakan maksud<sup>2</sup> melichinkan pendaftaran pengundi<sup>2</sup>, sebab itu patut benar kalau di-bayar sa-kali pun di-bahagikan daripada wang yang telah ada dengan tidak payah membuat tambahan baharu supaya kerja itu di-jalankan dengan baik; lain-lah kalau daripada parti politik yang mahu menjalankan tugas itu bersendirian tetapi apa yang saya maksudkan di-sini ia-lah menjalankan kewajipan<sup>2</sup> bersama<sup>2</sup> dengan pegawai atau kakitangan yang di-tunjokkan dan di-bayar oleh Surohanjaya Pilehanraya itu. Jadi semua tenaga itu boleh di-bagi sama pembayaran-nya. Yang demikian tentu-lah pendaftaran akan berjalan dengan lichin.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentoh ia-lah mengenai Jabatan Perdana Menteri, di-antara-nya ia-lah soal Perbahathan di-Parlimen. Biasa-nya Perbahathan Parlimen ini, atau Parliametary Debates selalu di-bukukan,

tetapi di-sa'at<sup>2</sup> akhir ini terlalu lewat kita menerima Buku Perbahathan itu. Mungkin Jabatan Chetak terlalu sebok menchetak sebagai<sup>2</sup> urusan Kerajaan dengan kerana itu penchetakan Buku<sup>2</sup> Perbahathan di-Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini terpaksa mengambil masa hampir sa-tahun baharu di-jalankan.

Saya perchaya perkara ini sangat mustahak dan kalau sa-kira-nya Kerajaan mahu melihat perkembangan demokrasi hendak-lah buku itu di-chetak dengan chepat, kalau tidak dapat di-chetak di-Jabatan Chetak Kerajaan, di-beri kepada penchetakan<sup>2</sup> lain, asal buku ini dapat di-keluarkan dengan chepat dan buku ini bukan sahaja patut di-beri kepada Ahli<sup>2</sup> tetapi patut di-beri kepada semua library—khutub<sup>2</sup> khanah, atau perpustakaan di-seluruh tanah ayer sa-lain daripada orang<sup>2</sup> peribadi yang ingin membeli-nya supaya dapat-lah perbahathan di-Parlimen ini di-ketahui oleh ra'ayat yang ingin mengikut perkembangan demokrasi negara kita ini dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya jika Buku<sup>2</sup> Perbahathan di-Parlimen ini di-sampaikan kepada semua khutub khanah di-seluruh tanah ayer kita ini.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima perbahathan<sup>2</sup> yang telah di-chetak mengenai Dewan Negara, tetapi tidak Dewan Ra'ayat. Pada fikiran saya sa-patut-nya kedua<sup>2</sup>-nya sa-bagai wakil Anggota Parlimen, yang Ahli Dewan Ra'ayat mendapati hak daripada Dewan Negara sama dan Ahli Dewan Negara mendapati yang berlaku dari Dewan Ra'ayat bersama<sup>2</sup>. Tetapi kadang<sup>2</sup> kiriman yang di-sampaikan itu terlalu lewat daripada masa kita berchakap dan kadang<sup>2</sup> itu ada ketinggalan<sup>2</sup>, sebab itu saya suka menchadangkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan bermurah hati sa-tahun sa-kali perbahathan yang berlaku sa-tahun apabila di-binding (di-jilid) patut Anggota<sup>2</sup> Parlimen khusus-nya di-beri buku Perbahathan Parlimen ini, Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, yang berupa telah di-jilid untuk simpanan mereka itu yang akan berguna kepada mereka itu

baik dari segi pembacaan atau dari segi kenangan<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang ingin saya sentoh dalam Jabatan Perdana Menteri ini ia-lah penyatuan Jabatan Ugama. Pada masa yang lalu memang banyak hal<sup>2</sup> perkara ugama ini telah di-buat melalui Jabatan Perdana Menteri sa-kali pun Perlembagaan mengatakan kuasa ugama itu di-tangan Raja<sup>2</sup> Negeri masing<sup>2</sup>, tetapi di-dalam amalan sudah ada Kerajaan Pusat menchampur tangan di-mana Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan mengadakan Peraduan Membacha Al-Qur'an, mengadakan Peraduan Berzanji dan mengadakan Sidang Ulamak untuk membahathkan halal-nya loteri dan sa-bagai-nya. Ini semua-nya di-lakukan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Akhir<sup>2</sup> ini timbul berita Jabatan Perdana Menteri menganjorkan melalui Persidangan Penasihat Ugama supaya di-wujudkan satu Jabatan Ugama Pusat. Saya mengambil kesempatan untuk mengalu<sup>2</sup>kan wujud-nya penyatuan Jabatan Ugama yang berupa pusat ini, kerana ini ada-lah hasrat kami yang telah bertahun<sup>2</sup> di-suarakan oleh orang<sup>2</sup> dari Persatuan Islam sa-Tanah Melayu, akan tetapi kita tidak mengingini penyatuan Jabatan Ugama ini akan di-peralatkan bagi maksud yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sa-buah negara saperti kita ini, membiarkan pentadbiran yang berasingan itu adalah sangat merugikan dan kadang<sup>2</sup> ada contradiction, ada pertentangan antara satu sama lain dalam pelaksanaan hukum<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup> di-Negeri<sup>2</sup>, dengan kerana itu wujud-nya satu Jabatan yang sama ada-lah sangat baik dengan membawa satu kemajuan dalam chara pentadbiran urusan ugama di-negara kita ini. Tetapi ini tidak bererti telah sampai kepada hajat, atau pun sampai kepada chita<sup>2</sup> politik saperti yang di-perjuangkan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Ini baharu sa-kadar menyatukan untuk menyamakan pentadbiran sa-mata<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Jabatan Ugama Pusat ini di-adakan

dan di-jalankan dengan lichen, saya perchaya banyak perkembangan<sup>2</sup> lain yang dapat di-satukan yang membolehkan Kerajaan menjalankan satu kegiatan<sup>2</sup> yang menguntongkan asal sahaja fikiran orang ramai di-terima dan badan<sup>2</sup> bebas di-beri peluang untuk menyampaikan fikiran mereka bagi membenakan satu pentadbiran dalam satu masyarakat yang baik dalam negara ini dari kacha mata ugama.

Satu perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, dari Jabatan Perdana Menteri ini juga yang saya tidak berapa mengerti ia-lah tentang ura<sup>2</sup> yang berkali<sup>2</sup> di-suarakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, ia-itu apa yang di-katakan Commonwealth Islam. Akhir<sup>2</sup> ini satu rombongan akan di-kirim di-beberapa buah negeri di-Timor Tengah dan di-Afrika juga mungkin bagi membawa perkara ini lagi untuk mendapatkan sokongan.

Apa yang kita tahu, Tunku Perdana Menteri pernah memberi jawapan kepada masaalah ini bila di-timbulkan dalam Dewan Ra'ayat bahawa banyak negeri<sup>2</sup> yang tidak mahu menerima ini. Tetapi pehak kita maseh mahu chuma kita tidak sanggup menjadi tuan rumah, kita bersedia menghadziri di-mana<sup>2</sup> persidangan di-negeri<sup>2</sup> lain, tetapi kita tidak mahu menjadi tuan rumah. Dengan kerana itu kita maseh mahu, walau pun kita tahu banyak orang tidak mahu, jadi Kerajaan akan membelanjakan wang untuk mengirim satu delegasi, satu rombongan, keluar negeri bagi membawa saranan atau usul dari kita bagi mewujudkan apa yang di-katakan Commonwealth Islam.

Perkara ini sudah tentu-lah akan membuang wang dan faedah-nya tidak sampai ka-mana sa-lama apa yang di-katakan Commonwealth Islam ini seperti yang di-fahamkan oleh Kerajaan Pusat, atau Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri. Istilah Commonwealth Islam ini sendiri pun ganjil, sebab tidak mesti ada di-dalam masyarakat umat Islam di-negeri<sup>2</sup> ini sa-suatu yang di-katakan Commonwealth seperti yang di-chadangkan ini, sebab itu negara<sup>2</sup> dalam dunia ini yang

ada kemahuan untuk melaksanakan Islam dalam negara mereka sendiri pun menyambut dengan tawar, dengan dingin sa-kali terhadap ura<sup>2</sup> bertahun<sup>2</sup> di-laongkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri.

Saya tidak tahu mengapa Tunku masen menekan perkara ini, dan mahu mengirimkan satu rombongan bagi menchari sokongan untuk melaksanakan chita<sup>2</sup>-nya, sebab Malaysia sendiri, Tuan Yang di-Pertua, pada hakikat-nya jika di-tinjau dari kacha mata Islam dia bukan-lah Islamic State, sa-kali pun Perlembagaan Malaysia menyebutkan Islam is a State religion—pengertian-nya tentu-lah sama seperti Christian is a State religion di-England, sebab bila di-minta penjelasan, sudah tentu-nya Malaysia ini ia-lah secular State sa-buah Negara bukan theo democracy, bukan theo cracy, bukan theo democracy seperti kehendak Islam, tetapi secular State. Jadi, sa-buah Negara yang tidak melaksanakan ajaran Islam bagaimana ingin kepada satu<sup>2</sup> Commonwealth Islam, saya pun tidak mengerti. Kalau negara kita ini sa-buah negara yang melaksanakan Islam patut juga kita menjadi pelopor untuk mewujudkan satu pakatan bersama antara Negara<sup>2</sup> Islam kerana memang ada dasar-nya Negara Islam itu bila dia wujud harus menchantumkan diri-nya lagi sa-hingga merupakan satu gerakan international kerana keadaan manusia ini sama asal-nya satu dan tidak ada kepentingan kebangsaan terlalu besar, kalau mengikut pengajaran Islam.

Tetapi soal sekarang ini negara kita sendiri merupakan sa-buah Negara secular, negara keduniaan yang tidak tundok kepada hukum Tuhan. Kita mahu kepada satu Commonwealth Islam sedangkan yang kita mahu itu hanya untuk di-bicharakan soal penyamaan waktu sembahyang, waktu menengok bulan, bicharakan soal<sup>2</sup> kechil, titek-bengek, bukan soal pokok, politik dan ekonomi umat Islam kita sendiri. Jadi, saya rasa lebeh baik perkara ini di-undorkan, di-tarek balek perkara ini lebeh baik dan biarkan

zaman akan datang menentukan apa akan jadi kepada negara<sup>2</sup> Islam.

Tuan Yang di-Pertua, membicarakan soal Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, saya melihat tidak banyak perubahan dan kemajuan yang di-dapati oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini. Di-Kelantan waktu kempen Pilehanraya Kelantan Hilir dahulu, Menteri Pertanian ada membawa beberapa motobot di-letak dekat Pengkalan Kastam di-Sungai Kelantan, di-panggil nelayan<sup>2</sup>, tetapi dia beritahu juga bahawa motobot ini di-pinjam daripada taukeh<sup>2</sup> di-Pulau Pinang. Kemudian itu akan di-tarek balek di-ganti dengan bot<sup>2</sup> baharu yang sedang dibuat oleh Limbongan MARA, rasa-nya kalau tidak salah ingatan saya, di-Trengganu. Memang betul sa-elok<sup>2</sup>-nya sa-lepas pilehanraya semua motobot itu di-tarek balek. Ini ada-lah sandiwara sa-mata<sup>2</sup> tidak ada kemajuan yang benar<sup>2</sup> menolong ra'ayat yang telah di-lakukan oleh Kementerian ini. Lain-lah kalau fikiran<sup>2</sup> bekas Menteri dahulu yang bernama Aziz Ishak ia-itu menjadikan co-operative ini betul<sup>2</sup> collective mewujudkan capital yang besar sa-hingga dapat di-wujudkan kilang baja urea yang sangat di-benchi oleh sa-tengah<sup>2</sup>. gulongan capitalist dan mewujudkan kilang kertas betul<sup>2</sup> membena dan boleh menolong ra'ayat dalam negeri ini sa-hingga tiap<sup>2</sup> benda itu dapat menjadi wang bahan<sup>2</sup> seperti jerami dan sa-bagai-nya.

Sekarang timbul kadang<sup>2</sup> perkara pukat tunda. Perkara pukat tunda ini bukan-lah satu perkara baharu, satu perkara yang lama menjadi sejarah di-tanah ayer kita ini Baharu<sup>2</sup> ini timbul masalah Menteri menyesali Kelantan tidak mahu terima pukat tunda. Saya tidak fikir Kelantan menolak pukat tunda, tetapi mahu menerima pukat tunda atas asas mengikut perayeran-nya ia-itu tidak mengganggu nelayan<sup>2</sup> kecil, sebab akibat-nya telah ada. Akibat-nya telah menjadi akibat jenayah beberapa pertemporan dan pertumpahan darah telah berlaku di-kawasan Pantai Barat,

di-perayeran Kedah-Langkawi, di-perayeran Pulau Pinang, perayeran Perak telah berlaku pertemporan darah di-antara nelayan<sup>2</sup> pukat tunda dan nelayan<sup>2</sup> pukat biasa. Dengan kerana itu kalau kita melalui zaman seperti itu mengapa-kah kita mahu memaksa ra'ayat supaya membuat—memang betul orang yang punya wang dia mahu, memang betul Kerajaan boleh mengadakan lesen dengan syarat, erti-nya menangkap ikan di-luar 12 batu—memang betul, tetapi memang banyak orang mengambil kesempatan oleh kerana di-mana tidak di-jaga dan di-kawal dia mengambil kesempatan untuk berbuat apa yang di-fikir baik untuk dia, sebab ghalib-nya atau biasanya, Tuan Yang di-Pertua, manusia ini terlalu jujur untuk diri dia sendiri. Dia tidak berapa jujur dengan kawan atau manusia lain. Dia jujur untuk dia, sebab itu kalau ta' ada orang jaga dia dalam kawasan 12 batu atau kawasan 4 batu pun, dia chari juga ikan itu, kerana itu mungkin berlaku pertemporan dan pergadohan sa-sama sendiri.

Saya fikir kalau Kementerian ini mahu betul<sup>2</sup> menolong nelayan ada lebeh baik kita tidak menolong mereka menangkap ikan sa-chara pukat tunda dengan menggunakan motobot<sup>2</sup> sangkut, seperti sekarang ini, atau motobot<sup>2</sup> yang lebeh besar di-gunakan untuk pukat tunda. Tetapi beri mereka peluang itu dengan chara co-operative, sa-hingga mereka dapat membeli, dengan bantuan MARA, membeli steamer—kapal<sup>2</sup> kecil yang boleh menangkap ikan lebeh jauh dan lebeh banyak daripada membiarkan mereka itu menangkap ikan di-kawasan perayeran 12 batu, tetapi yang sa-benar-nya mereka masok dalam kawasan yang berhampiran dengan pantai yang menimbulkan pergadohan dan pertumpahan darah sama sendiri. Saya tidak mahu Kerajaan memikir yang nelayan<sup>2</sup> kita tidak sanggup untuk menangkap ikan lebeh jauh, tidak sanggup memakai kapal<sup>2</sup> kecil, hanya layak memakai motobot<sup>2</sup> begitu sahaja, sebab sejarah bangsa negeri ini sudah menunjukkan bahawa mereka pernah mengharong

lautan sudah jauh mereka pergi dengan kapal<sup>2</sup> kecil, kapal<sup>2</sup> layat. Jadi di zaman modern ini, apa-kah tidak sanggup Kerajaan memodernkan revolusi mental fikiran ra'ayat negeri kita memberi mereka steamer untuk menangkap ikan, bukan dengan perahu kecil yang kemudian berkelahi dengan nelayan<sup>2</sup> di-tepi pantai. Jadi, kalau Kementerian ini benar<sup>2</sup> mahu menolong, wujudkan sa-suatu perubahan yang besar daripada satu perubahan yang merupakan kempen untuk kepentingan pilihanraya sa-mata<sup>2</sup>.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kalau sa-kira-nya Kerajaan memberi bantuan benar<sup>2</sup> serta wujud Kumpulan Sharikat Kerjasama yang memodalkan bersama dengan bantuan Kementerian dan MARA bagi mengadakan kapal<sup>2</sup> kecil atau steamer<sup>2</sup> yang membolehkan mereka itu menangkap ikan di-laut lepas, kerana mereka dalam sejarah-nya pernah lebeh jauh daripada itu mengharong lautan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran satu perkara yang ingin saya sentoh sedikit sahaja, kita telah melalui satu zaman dengan dasar pelajaran daripada sekolah umum kemudian di-pinda kepada sekolah kebangsaan, kemudian kita dengar comprehensive school—sekolah anika jurusan, kemudian sekolah lanjutan kampong sa-belum anika jurusan, kemudian sekarang kita dengar ura<sup>2</sup> sekolah perchantuman, erti-nya kelas<sup>2</sup> berbagai<sup>2</sup> bahasa, berbagai<sup>2</sup> murid dan berbagai<sup>2</sup> guru di-dalam satu bangunan sekolah sedangkan dasar pelajaran belum di-pinda. Saya tidak tahu bagaimana hanyut-nya dasar pelajaran kita yang di-kendalikan oleh Menteri Pelajaran sekarang ini. Saya harap ini harus di-betulkan dan kalau perlu di-buat satu penyata baharu erti-nva di-bentok satu Surohaniaya baharu bagi menyusun sa-mula dasar pelajaran yang lebeh baik daripada yang sedang hanyut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-Kelantan kawasan<sup>2</sup> pembukaan tanah yang di-buka oleh ra'ayat Kelantan, ra'ayat Kelantan otomitis ra'ayat Persekutuan.

Kawasan<sup>2</sup> pembukaan tanah lebeh dari 30 kawasan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negeri Kelantan telah di-buka dan sa-bahagian daripada mereka itu telah pun dapat menoreh getah mereka mulai pada awal bulan Jun ini. Dan mereka telah menjadi tuan punya memileki dan berhak mewarishi tanah<sup>2</sup> itu oleh kerana mereka itu tidak di-kenakan sa-barang bayaran atau pun bunga dan mereka hanya di-kehendaki membayar premium dalam tempoh 17 bulan sa-sudah dapat hasil daripada tanah<sup>2</sup> itu; itu perbedzaan di-antara F.L.D.A. dengan Ranchangan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan. Di-dalam kawasan<sup>2</sup> ini memang telah di-bangunkan sekolah<sup>2</sup> dan memang telah di-laporkan dan di-daftarkan kepada Jabatan<sup>2</sup> Pelajaran Negeri, akan tetapi sampai hari ini beberapa tempat yang telah saya pergi lawati tidak ada guru<sup>2</sup> yang berkebolehan yang di-hantar sa-bagai merupakan sekolah ra'ayat yang di-bangunkan oleh ra'ayat penduduk<sup>2</sup> tanah itu dengan bantuan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan, guru<sup>2</sup>-nya ia-lah sa-bahagian daripada peneroka itu sendiri yang sanggup bersukarela mengajar anak<sup>2</sup> itu, berat<sup>2</sup> anak<sup>2</sup> yang belajar di-situ yang mereka itu-lah anak<sup>2</sup> Malaysia, ra'ayat Malaysia. Mereka itu-lah angkatan zaman hadapan bagi bangsa Malaysia dan Kerajaan Pusat yang bertanggung-jawab dalam soal pelajaran tidak boleh melupakan itu sa-kali pun tidak suka kepada dasar yang di-lakukan oleh Kerajaan PAS di-Kelantan, ia-itu melaksanakan dasar tanah yang berlawanan dengan F.L.D.A. Itu ada-lah soal, tetapi soal nasib anak<sup>2</sup> masa depan, soal nasib, soal pelajaran adalah tanggung-jawab Kerajaan Pusat. Dan saya harap Kementerian Pelajaran akan dapat memperbaiki keadaan ini supaya pada masa depan nasib anak<sup>2</sup> Malaysia itu mendapat jaminan, mendapat pelajaran yang sa-baik<sup>2</sup>-nya dengan guru<sup>2</sup> yang terlatah dan tidak perlu pada bangunan yang terlampau chantek, yang perlu ia-lah guru<sup>2</sup> yang terlatah. Kalau bangunan terlalu chantek sa-kali pun, ini tidak memberi erti apa<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya berchakap dalam soal ini tentu-lah saya ingin menyentoh Kementerian Luar Negeri yang pada hakikat-nya boleh di-chakapkan bersama<sup>2</sup> dalam Jabatan Perdana Menteri kerana dia ada-lah satu manusia saja yang mengendalikan dua Kementerian ini. Selalu kita mendengar perkataan bahawa kita ini berkechuali. Di-satu masa kita ini berchakap tentang kita ini berkechuali. Kita ada-lah bebas. Dasar luar negeri kita ada-lah bebas, tetapi di-lain<sup>2</sup> pehak kita terang<sup>2</sup> menyebelah satu pehak, sampai susah-lah hendak menentukan apa-kah yang sa-benar-nya kita ini. Dan saya tidak mahu mengulangi pada hari ini tegoran<sup>2</sup> saya, kerana bertahun<sup>2</sup> dahulu telah pernah saya berchakap soal apa yang di-katakan bebas dan berkechuali itu sendiri. Chuma saya ingin menegaskan perkechualian kita itu hendak-lah di-jalankan dengan berhati<sup>2</sup> di-dalam bentok dunia saperti sekarang, yang kita sekarang itu mahu tidak mahu telah terpaksa membenarkan kemasokan Kedutaan<sup>2</sup>, atau Duta<sup>2</sup> negara<sup>2</sup> Eropah Timor ka-dalam negara Malaysia kita ini. Kalau dahulu kita mempunyai alasan tidak mahu berhubong dengan negara<sup>2</sup> kominis<sup>2</sup> kerana mereka telah membuat angkara dalam negara kita sa-lama berbelas<sup>2</sup> tahun, bahkan sampai passport<sup>2</sup> ra'ayat Malaysia sendiri pun di-beri chap di-sana tidak boleh melawat negeri<sup>2</sup> ini, erti-nya negeri<sup>2</sup> kominis, tetapi sekarang kita telah bertukar chorak. Dalam pertukaran chorak ini nampak-nya bertambah baik-lah kita, bertambah nyata-lah ada kebebasan kita sadikit sa-banyak, akan tetapi satu perkara yang saya ingin menarek perhatian Kerajaan bagi kepentingan Kerajaan dan nasib kita semua pada masa hadapan berhati<sup>2</sup>-lah dalam permainan politik international, permainan politik apa yang di-katakan invisible Government—bayangan Kerajaan yang tidak nampak di-mata, tetapi boleh menchorakkan sa-suatu bahagian kepentingan mereka, apa lagi sa-telah kita membenarkan kemasokan berbagai<sup>2</sup> negeri dan berbagai<sup>2</sup> chorak yang ada pertentangan international

antara mereka sa-sama mereka di-dalam negara kita ini.

Saya sukachita hendak mengingatkan Kerajaan sa-kali pun kita membenarkan Kedutaan<sup>2</sup> Kominis masok ka-negeri kita, tetapi chuba-lah awasi di-mana mereka membuat Kedutaan jangan-lah sampai mereka membuat tembok<sup>2</sup> tinggi memagari kawasan<sup>2</sup> Kedutaan yang bebas mengikut hukum antara bangsa, memada-lah kalau mereka itu di-galakkan supaya membuat pagar<sup>2</sup> yang nampak dari luar, jangan tembok<sup>2</sup> yang menutup daerah di-dalam itu merupakan negara dalam negara.

Kita terpaksa berhati<sup>2</sup> dalam soal ini kerana pengalaman di-dunia ini terlalu banyak dan saya takut Malaysia ini akan terlibat, kalau Malayan Communist Party yang terdiri daripada orang<sup>2</sup> keturunan China terpaksa bergerak di-bawah tanah dan barangkali orang yang chenderong kepada kominis terpaksa mengasingkan diri-nya dari kegiatan<sup>2</sup> Kominis Parti Malaya yang dari keturunan China, tetapi kesempatan telah terbuka dengan kemasokan anggota<sup>2</sup> Negara<sup>2</sup> Kominis Eropah Timor bagi gulongan pro-communist untuk mengadakan hubungan dan hubungan itu sudah tentu di-terima dengan dua belah tangan oleh gulongan<sup>2</sup> communist international, kerana once a communist always a communist—sa-kali mereka itu kominis tetap sa-lama<sup>2</sup>-nya kominis. Russia tidak pernah melupakan tujuan-nya menjadikan dunia ini kominis, sa-kali pun dia memakai policy sekarang ini berbaik sangka dan hidup bersama<sup>2</sup>.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah Kerajaan ini berhati<sup>2</sup>. Di-Indonesia dahulu Parti Islam-lah yang menentang Kerajaan Indonesia supaya jangan mengadakan perhubungan diplomat itu dengan negara Russia, bukan kerana tidak mahu berhubong dengan manusia Russia, tetapi soal kita sedang membangun—influence mereka itu terlalu hebat bagi gulongan ra'ayat terutama di-negeri bekas jajahan di-mana haves not lebeh banyak daripada haves akibah daripada penjajahan itu sendiri. Mashumi-

lah yang menentang, Parti Islam yang menentang, tetapi golongan socialist dan golongan nationalist menerima dengan dua belah tangan konon-nya memainkan peranan bebas dalam politik internasional akibat-nya kominis telah influence peribadi Sukarno sendiri yang mengakibatkan Indonesia hancor sampai sekarang ini baharu chuba hendak di-perbaiki kembali hal ehwal mereka. Saya minta kepada Kerajaan menimbangkan dan berhati<sup>2</sup> dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berthabit dengan soal ini oleh kegiatan yang sedang terjadi di-kawasan Tenggara Asia ini yang merupakan strategic, kawasan<sup>2</sup> yang merupakan kawasan peti ubat bedil yang boleh meletup pada bila<sup>2</sup> masa, maka sa-kali lagi saya meminta kepada Kerajaan supaya menyelesaikan masalah Penyata Gaji Suffian dengan baik kerana dia ada-lah melibatkan soal buruh yang dapat di-permainkan dalam jangka pendek, atau jangka panjang bagi muslihat yang lain daripada kepentingan national itu sendiri.

Kerajaan tentu sedar sebab Kerajaan sendiri mengeluarkan kenyataan kira<sup>2</sup> 200,000 orang menganggor dalam negara kita. Ini yang Kerajaan ishtiharkan 200,000 yang menganggor dalam negara kita sa-bagai menjawab kepada golongan<sup>2</sup> CUEPACS yang mendesak supaya di-laksanakan Penyata Gaji Suffian, tetapi yang Kerajaan tidak tahu, atau Kerajaan memang tidak tahu kerana tidak mendaftarkan diri di-Jabatan Buroh tentu-lah banyak lagi orang yang menganggor dalam negara kita ini. Dahulu pernah saya katakan orang yang menganggor itu bila di-daftar harus di-beri tahu kepada Kebajikan Masharakat supaya mereka itu di-siasat kalau benar mereka itu belum dapat kerja dan tidak mempunyai wang untuk menanggung diri mereka itu harus di-beri bantuan sampai mereka dapat kerja, tetapi Kerajaan membuat tidak tahu sahaja perkara ini.

Sekarang ini kalau kita tidak mepedulikan nasib mereka, jumlah 200,000 ini apa yang ada dalam

pengetahuan Kerajaan, tetapi ada lagi banyak yang tidak ada dalam pengetahuan Kerajaan, mungkin mengakibatkan dalam tarenkan politik di-negeri kita ini menguntokkan satu golongan lain, merugikan golongan kita. Saya kata kita demokrasi dan Islam erti-nya boleh di-katakan kita dan golongan lain itu yang bukan demokrasi yang perjuangkan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara yang ingin saya hendak sentoh di-sini ia-lah Kementerian Tanah dan Galian. Yang saya mahu membicarakan bukan keseluroh-nya, tetapi dari sudut apa yang di-katakan control area. Control area sa-benar-nya dalam kawalan polis, akan tetapi dia bagaimana pun soal tanah yang termasuk di-dalam Kementerian Tanah dan Galian. Negeri kita ini akibat daripada ada-nya dharurat sa-lama berbelas<sup>2</sup> tahun dahulu telah banyak kawasan<sup>2</sup> hutan rimba yang telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan<sup>2</sup> kawalan. Sa-sudah kita menghapuskan dharurat, sa-sudah habis-nya keganasan kominis di-dalam negara kita, kawasan<sup>2</sup> ini maseh lagi di-sifatkan sa-bagai black area, sa-bagai control area yang di-bawah kawalan polis.

Saya menimbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya perchaya apabila keamanan telah wujud di-negara kita ini, maka patut-lah kawasan<sup>2</sup> yang di-katakan control area ini di-bebaskan daripada kawasan kawalan yang membolehkan negeri<sup>2</sup> mengadakan perubahan<sup>2</sup> kemajuan, membenarkan kemasokan<sup>2</sup> sharikat<sup>2</sup>, mengadakan perusahaan<sup>2</sup> sama ada membalak, atau pun melombong dan sa-bagai-nya yang akan boleh menambah hasil negeri di-dalam negara kita sendiri. Dan dengan perusahaan<sup>2</sup> itu juga erti-nya population telah kita pindahkan, telah kita membuka sa-suatu kawasan yang dapat di-kawal dan kemudian kalau ada jalan<sup>2</sup> raya di-bawah Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menyambong antara satu tempat ka-satu tempat, maka semua kawasan ini terkawal dengan sendiri-nya kerana kemudahan<sup>2</sup> patrol dapat di-jalankan oleh Pasokan Bersenjata Negara kita

ini sendiri. Tetapi dengan membiarkan kawasan<sup>2</sup> ini statis, beku seperti keadaan sa-belum Merdeka, oleh kerana dharurat, dia merugikan kepentingan negara dan negara kita sendiri.

Jadi saya minta supaya Kementerian ini berurusan dengan pihak polis supaya kawasan<sup>2</sup> yang di-katakan control area, terutama di-sempadan Perak dan Kelantan, harus di-ishtiharkan sa-bagai kawasan<sup>2</sup> berseih—Ya, memang sekarang telah berseih, kalau ada kegiatan kominis ia-lah menunggu di-sempadan, menanti peluang yang baik untuk bertindak lagi, maka kita harus bersedia dari sekarang, itu sebabnya saya sarankan supaya Jalan Raya Timor dan Barat mesti di-perbuat chepat untuk mempertahankan kita dari bahaya yang mungkin timbul pada masa hadapan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi kepentingan negara dan bagi menambahkan sumber<sup>2</sup> kewangan, kawasan<sup>2</sup> yang di-katakan control area ini patutlah di-berseihkan, di-putehkan, dan di-jelaskan, di-clearkan bagi membolehkan perusahaan<sup>2</sup> di-bangunkan bagi kepentingan ra'ayat dan negara kita sendiri.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, Butiran (Baharu) B. 73—Jabatan Pertahanan Awam. Yang saya tahu sudah lama Jabatan Pertahanan Awam ini sudah ada. Dahulu pernah ada Menteri Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan Awam dan sekarang telah di-saperate, di-bahagi suku. Pada masa dahulu lagi telah banyak barang<sup>2</sup> yang telah di-order, banyak barang<sup>2</sup> yang di-order di-bayar dengan wang kita, wang ra'ayat negeri ini, di-antara-nya membeli Kereta<sup>2</sup> Bomba. Entah berapa banyak Kereta<sup>2</sup> Bomba itu yang telah berkarat, yang telah rosak, tetapi wang-nya telah di-bayar oleh ra'ayat sendiri. Jadi saya tidak begitu faham apa-kah yang di-katakan ini Jabatan Pertahanan Awam ini dengan Kereta<sup>2</sup> Bomba yang berlapak<sup>2</sup>. Dalam keadaan yang seperti ini, saya rasa, pada pendapat saya, tidak-lah perlu ada Jabatan<sup>2</sup> Pertahanan Awam, tetapi perlu di-kemas, di-organise badan<sup>2</sup>

yang telah ada seperti Pasokan Palang Merah, mereka harus di-perluaskan lagi dan di-beri galakan<sup>2</sup> yang tetap sa-bagai anggota, atau pun yang semi-anggota daripada budak<sup>2</sup> sekolah, semua-nya kemudian boleh di-gunakan sa-bagai pertahanan awam negara kita pada satu masa, jika di-kehendaki.

Demikian juga bomba, kebanyakan Jabatan<sup>2</sup> Bomba yang dudok-nya di-bawah Negeri sekarang ini, pada fikiran saya, lebeh baik sifat-nya menjadi sifat national atau bersifat kebangsaan, bersifat Federal bukan di-letakkan di-bawah Negeri, tetapi Jabatan<sup>2</sup> ini yang sa-benar-nya menjalankan tugas bagi menjaga harta benda orang ramai, dan menjaga kebakaran, sekarang ini sedang menerima volunteer<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> suka-rela yang banyak bagi menolong mereka itu menjalankan kewajipan mereka. Kalau Jabatan ini di-ambil menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat bukan Kerajaan Negeri dan Jabatan ini memperbanyakkan orang sukarelawan, orang<sup>2</sup> yang menjadi volunteer, maka kemahuan kita, hajat kita kepada apa yang di-katakan civil defence telah terchapai, dengan tidak payah di-adakan satu Jabatan yang bersendirian dalam soal ini. Dan kepada mereka juga dapat di-ajar segala theory<sup>2</sup> berhubung dengan menjaga soal<sup>2</sup> bahaya letupan, soal<sup>2</sup> bom dan lain<sup>2</sup> yang mungkin timbul bila berlaku-nya peperangan. Dengan ada-nya volunteer<sup>2</sup>—sukarelawan<sup>2</sup> yang membantu Jabatan<sup>2</sup> Bomba, maka saya perchaya mereka dapat menjalankan tugas itu dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya dan tidak perlu kita kepada sa-buah Jabatan yang hakikat-nya sa-lama ini telah membadzirkan terlalu banyak wang negara kita dengan Kereta<sup>2</sup> Bomba yang chat-nya kelabu dan dia juga kelabu dalam keadaan-nya sekarang ini rosak dan tidak boleh di-gunakan. Banyak Kereta<sup>2</sup> Bomba yang ada di-dalam tanah ayer kita ini yang di-beri atas nama Pertahanan Awam.

Sa-kian, Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan pendapat<sup>2</sup> saya mudah<sup>2</sup> menjadi kebaikan juga bagi kepentingan negara kita ini dan di-pertim-

bangkan oleh pehak Kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan ini di-tempohkan pada pukul 11.50 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 12.05 minit tengah-hari.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat perbahathan di-atas Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan tahun 1968 di-sambong sa-mula.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, dalam menyokong Undang<sup>2</sup> Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 1968 ini, lebeh dahulu saya suka menarek pandangan Kerajaan kapada kekosongan jawatan Menteri Muda Kewangan pada masa ini yang telah di-tinggalkan oleh bekas Menteri Muda kita, Dr Ng Kam Poh, yang mana pada hari ini kalau kita berchakap berkenaan dengar kewangan negara dalam Dewan Negara ini maka tidak ada satu Menteri yang bertanggung-jawab yang dapat memberikan butir<sup>2</sup> keterangan yang tepat dan jelas mengenai perkara<sup>2</sup> yang di-bangkitkan dalam Dewan ini. Menteri Kewangan kita sa-orang yang sangat sebok, sa-orang pemimpin yang banyak tanggungan-nya yang tidak dapat hadir dalam Dewan ini, oleh yang demikian sa-orang Menteri Muda perlu menolong-nya dalam perhubungan-nya dengan Parlimen khas-nya dengan Dewan Negara ini. Sa-masa Dr Ng Kam Poh ada di-Dewan ini beliau banyak memberi khidmat kapada Dewan ini dan banyak memberi keterangan<sup>2</sup> yang jelas dan tepat yang boleh menghilangkan kekeliruan Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara ini. Jadi, saya rasa keperluan sa-orang Menteri Muda sangat-lah mustahak pada masa ini terutama pada sa'at Kerajaan menghadapi krisis kewangan sa-bagaimana yang kita ma'alumkan itu. Saya tidak hendak menchadangkan siapa yang

layak untok memegang jawatan Menteri Muda ini tetapi saya rasa kalau sa-kira-nya Menteri Muda ini di-beri kapada Setia Usaha Parlimen-nya ia-itu yang ada pada masa ini Tuan Ali bin Haji Ahmad, saya rasa dia sa-orang yang sangat<sup>2</sup> layak untok memegang jawatan itu untok menjadi satu pertolongan yang besar kapada Menteri Kewangan kita.

Dalam masaalah perbelanjaan<sup>2</sup> tambahan ini banyak Ahli<sup>2</sup> telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan kaedah Kerajaan menjalankan pentadbiran dan keperluan kewangan-nya bagi negara kita ini. Pehak Pembangkang daripada Kelantan ia-itu saudara kita, Tuan Amaluddin Darus, telah mengeluarkan kritik<sup>2</sup> sa-bagaimana biasa dan didalam kritik<sup>2</sup>-nya itu pada sa'at akhir-nya dia menchadangkan kapada Kerajaan supaya di-bebaskan, di-bersehhkan segala kawasan<sup>2</sup> hutan di-negeri Kelantan bersempadan dengan Kerajaan Negeri Perak itu daripada kawalan di-bawah kawalan Kerajaan, dan dia mengeshorkan supaya jalan di-antara Pantai Timor dengan Pantai Barat yang di-chadangkan itu segera di-buat supaya dapat tanah<sup>2</sup> yang melintasi jalan itu di-gunakan bagi ra'ayat negara kita ini. Saya rasa dalam masaalah membersehhkan kawasan<sup>2</sup> hutan yang pada masa ini di-fikirkan, di-pandang oleh Kerajaan sa-bagai kawasan yang tidak bagitu selamat, Kerajaan patut menimbang-kan dengar chermat-nya di-atas rayuan yang di-buat oleh Ahli Pembangkang itu kerana kita tahu benar<sup>2</sup>, apa sahaja ranchangan yang di-jalankan di-negeri Kelantan itu sangat sadikit untong-nya datang kapada ra'ayat negeri Kelantan itu sendiri.

Kalau Kerajaan meneruskan ranchangan jalan-nya itu dengan tidak lebeh dahulu membersehhkan keadaan ikatan yang di-buat di-antara sharikat yang ada di-Kelantan dengan Kerajaan Negeri itu, maka tanah<sup>2</sup> yang di-tepi<sup>2</sup> jalan itu tidak dapat memberikan keuntongan kapada ra'ayat negeri Kelantan sendiri, kerana tanah<sup>2</sup> itu telah di-pajak dan di-gadaikan kapada

Sharikat Timber Mines yang pada masa ini maseh memegang pajakan ini dan belum lagi di-batalkan. Kawasan<sup>2</sup> hutan yang ada di-negeri Kelantan pada masa ini telah pun habis di-berikan kepada sharikat<sup>2</sup> dan chuma menunggu kawasan<sup>2</sup> yang berhampiran dengan Perak sahaja lagi yang maseh belum lagi di-keluarkan atau pun di-beri kepada mana<sup>2</sup> sharikat kerana kawasan<sup>2</sup> itu tidak terselamat.

Saya suka menarek pandangan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-sini keadaan chara kritik yang di-berikan oleh Ahli Pembangkang itu terutama-nya berkenaan dengan Commonwealth Islam yang di-sebutkan oleh beliau itu. Beliau menyatakan tadi rancangan mengadakan Commonwealth Islam ini ia-lah satu rancangan yang sia<sup>2</sup> dan meng-habiskan wang sahaja dan patut-lah rancangan ini di-tarek balek dan rombongan itu di-rentikan daripada keluar negeri untuk menyaranakan rancangan Commonwealth Islam itu. Alasan-nya ia-lah kerana Kerajaan kita ini bukan Kerajaan Islam atau bukan Islamic State sungguh pun Kerajaan kita merasmikan ugama Islam sa-bagai Ugama Negara. Saya suka bertanya kepada ahli Pembangkang itu di-mana sa-buah Kerajaan Islamic State yang boleh di-katakan Islamic State mengikut tafsiran yang di-berikan oleh Parti Islam sa-Tanah Melayu atau PAS mana-kah yang di-katakan Islamic State dalam dunia ini yang boleh di-aku<sup>2</sup> oleh ahli Pembangkang itu? Ada-kah Kerajaan Pakistan itu di-ta'arif di-beri nama Islamic State oleh ahli Pembangkang itu, ada-kah Masir di-katakan Islamic State, ada-kah Kerajaan Iraq dan lain<sup>2</sup> Kerajaan di-Timor Tengah di-katakan Islamic State? Mana satu Kerajaan Islamic State yang di-katakan oleh ahli Pembangkang sa-bagai sa-buah Kerajaan Islamic State atau pun belum ada Kerajaan Islamic State sa-bagaimana yang di-i'tiraf oleh parti Pembangkang itu?

Jadi, saya rasa, ini perchakapan yang tidak berisi dan tidak berharga yang sa-mata<sup>2</sup> mengeluarkan perasaan iri hati di-atas satu usaha yang baik bagi

menyatukan perasaan, menyatukan tenaga, menyatukan fikiran negara<sup>2</sup> Islam seluroh dunia. Saya rasa rombongan untuk di-hantar bagi meng-hubongi antara negara kita dengan negara<sup>2</sup> Islam sangat-lah baik. Kita boleh membelanjakan wang untuk menchari kawan<sup>2</sup>, menchari sahabat<sup>2</sup>, supaya lebeh banyak sahabat dalam dunia ada-lah lebeh baik bagi negara kita ini. Negara kita ini ia-lah sa-buah negara yang kechil, negara yang baharu munchol, sa-buah negara yang perlu mendapat sokongan, pimpinan, sahabat yang jujur dan baik. Kalau sa-kira-nya kita sayang kepada wang untuk belanja menchari sahabat, maka wang yang kita sayang itu akan kita habiskan untuk menentang musuh<sup>2</sup> kita. Jadi, saya rasa perlu kita belanja untuk menchari sahabat daripada kita terpaksa belanja kerana mempertahankan daripada serangan musuh. Saya rasa peruntokan tambahan yang di-buat dalam undang<sup>2</sup> ini kesemua-nya, bagaimana keterangan yang di-beri oleh Menteri Ta' Berjabatan itu, ada-lah peruntokan<sup>2</sup> yang perlu—yang perlu bagi Kerajaan kerana tidak dengan peruntokan<sup>2</sup> ini kerja<sup>2</sup> Kerajaan akan tergendala dan akan menyebabkan pinchang-nya jentera Kerajaan, tetapi saya rasa perlu juga kita mengingatkan kepada Kementerian<sup>2</sup> yang berkenaan supaya apabila mereka ini merangka-kan satu<sup>2</sup> rancangan kerja, maka sa-harus-nya anggaran perbelanjaan itu hendak di-rangkakan supaya tidak banyak berselisih dengan banyak yang hendak di-belanjakan itu supaya dapat kita mengurangkan chara<sup>2</sup> mengadakan Anggaran<sup>2</sup> Tambahan pada tiap<sup>2</sup> tahun.

Dalam perkara anggaran ini saya suka hendak menyentoh beberapa Kementerian yang berkenaan supaya dapat kita menarekkan pandangan Kementerian yang mengkaji balek keadaan susunan dan pentadbiran Kementerian<sup>2</sup> itu. Perkara yang pertama yang saya suka hendak tarekkan pandangan ia-lah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Beberapa Perbadanan telah di-tubuhkan dalam masaalah memajukan perdagangan

dan perusahaan negara kita ini. Hari ini kita mempunyai M.I.D.F.L., kita mempunyai F.I.D.A., kita mempunyai Standard Institute, kita mempunyai berbagai Perbadanan<sup>2</sup> yang di-tubuhkan oleh Kerajaan untuk memajukan, untuk memajukan perkara perdagangan dan perusahaan ini. Tetapi daripada perhatian saya sedikit sangat daripada ahli<sup>2</sup> daripada kalangan bumiputera yang diberi atau pun di-jemput sama untuk duduk dalam badan<sup>2</sup> Perbadanan ini supaya bersama<sup>2</sup> mentadbirkan, sama<sup>2</sup> menimbangkan, sama<sup>2</sup> mengeluarkan pendapat dan fikiran menyentuh perkara<sup>2</sup> berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan. Sa-tahu saya Perbadanan<sup>2</sup> ini kebiasaan-nya mengambil mereka daripada kalangan pegawai<sup>2</sup> tinggi Kerajaan. Mereka daripada pegawai<sup>2</sup> yang kadang<sup>2</sup>-nya tidak ada kaitan langsung dengan pekerjaan yang hendak di-jalankan oleh Perbadanan<sup>2</sup> itu, tetapi saya lihat umpama-nya macham badan seperti Gabongan Dewan Perniagaan Melayu, Malaysia, umpamanya sa-buah badan bumiputera seluruh Malaysia belum ada pun sa-orang wakil di-dalam Perbadanan<sup>2</sup> ini seperti M.I.D.F.L., sa-buah Perbadanan yang chukup besar yang telah di-beri modal oleh Kerajaan, yang telah di-beri jaminan modal oleh Kerajaan untuk mendapat pinjaman dari Bank Dunia berpuluh juta untuk memberi pinjaman wang kepada perusahaan<sup>2</sup> di-seluruh negara kita ini. Tetapi suara dan pendapat dan fikiran daripada pertubuhan bumiputera seperti Gabongan Dewan Perniagaan Melayu, Malaysia, tidak di-minta dan di-jemput sama. Kemudian apabila ada tegoran<sup>2</sup> daripada bumiputera mereka senang sahaja menjawab menyatakan bumiputera barangkali tidak mempunyai hak, tidak mempunyai kebolehan, tidak mempunyai kelayakan dan tidak mempunyai modal dalam perdagangan dan perusahaan, tetapi wakil<sup>2</sup> mereka tidak di-jemput untuk bertukar, untuk meminta fikiran dalam masalah<sup>2</sup> yang berkenaan itu. Juga berthabit dengan perkara<sup>2</sup> mengenai hal<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan seperti Tarrif Board umpama-nya tidak ada sa-orang pun yang di-katakan di-lantek bagi

mewakili bumiputera yang datang-nya daripada nama Gabongan Dewan Perniagaan Melayu, Malaysia.

Saya rasa sungguh pun orang<sup>2</sup> Melayu kita ini tidak mempunyai kecekapan, tidak mempunyai pengertian, tidak mempunyai ilmu yang tinggi dalam masalah perdagangan dan perusahaan, tetapi apabila di-jemput sama menyertai, umpama, dalam badan<sup>2</sup> sa-umpama itu, sudah tentu-lah pengalaman mereka itu akan meningkat bertambah dan masalah<sup>2</sup>—problem<sup>2</sup>—yang di-hadapi oleh bumiputera itu akan dapat mereka itu membawa ka-tengah kepada perbadanan<sup>2</sup> yang berkenaan, supaya tidak-lah bumiputera atau orang Melayu itu terasing di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Saya memberi tahniah kepada Kerajaan kerana melantek Enche' Taib kita, Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan daripada sa-orang ahli bumiputera atau pun orang Melayu kita yang telah di-lantek untuk memegang jawatan Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan. Saya rasa dengan perlantekan-nya itu, dengan ada-nya Menteri Muda kita yang baharu ini di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, akan timbul-lah satu hubungan yang lebeh baik, satu pertalian yang lebeh rapat di-antara bumiputera—orang Melayu kita—dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Kalau dahulu kita melihat di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan itu jarang mata orang Melayu di-pijak dalam Kementerian itu untuk urusan perdagangan dan perusahaan. Kita harap dengan ada-nya Menteri Muda daripada golongan orang Melayu, atau bumiputera itu akan dapat-lah kita melihat hal<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan peluang<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan itu akan di-alirkan kepada pengetahuan orang Melayu kita atau bumiputera.

Saya suka menerangkan kepada Dewan ini masalah yang lanjut berkenaan dengan Perdagangan dan Perusahaan. Banyak orang berchakap masalah perdagangan dan perusahaan ini ia-lah satu masalah yang rumit,

masaalah yang halus, masaalah yang tidak boleh di-selesaikan dalam masa yang singkat. Kita faham masaalah perdagangan dan perusahaan ini satu masaalah yang rumit, masaalah yang halus, masaalah yang tidak dapat di-selesaikan dalam masa yang singkat, tetapi kalau Kerajaan menghadapinya dengan sa-chara tegas dan tetap masaalah ini boleh di-selesaikan dengan sa-berapa segera, dengan sa-berapa chepat.

Ahli<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan perlu kalau chuma dua tiga perkara yang mustahak bagi tiap<sup>2</sup> ahli perdagangan dan perusahaan. Keperluan yang pertama bagi ahli perdagangan dan perusahaan ia-lah modal, keperluan yang kedua bagi perdagangan dan perusahaan hubongan perdagangan dan perusahaan, hubongan (contact) dalam perdagangan dan perusahaan. Perkara yang ketiga yang di-perlukan bagi ahli perdagangan dan perusahaan ia-lah ilmu pentadbiran, susunan pentadbiran dan chara pemikiran.

Banyak orang berkata modal tidak perlu bagi perdagangan dan perusahaan, apa yang di-perlukan ia-lah pengetahuan. Saya suka menegaskan di-sini, tidak ada siapa pun boleh berniaga, boleh berusaha, dengan tidak bermodal, tidak siapa akan perchaya kepada siapa pun yang tidak bermodal. Kalau sa-kira-nya kita hendak bantu-kan bumiputera dengan \$30 juta di-beri kepada MARA untok memodal-kan bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, \$30 juta itu bukan-lah boleh menchukupi bagi menaikkan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan. Saya tahu \$30 juta yang di-beri kepada MARA itu bukan untok lapangan perdagangan dan perusahaan sahaja, untok Maktab MARA, untok scholarship, untok perdagangan dan perusahaan dan sa-bagai-nya. Satu<sup>2</sup> perusahaan yang di-bena perlu sa-kurang<sup>2</sup>-nya kepada ratus dan million ringgit punya harga. Kalau MARA hendak buka 10 kilang, berapa million dia punya harga—itu belum masuk

dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Kalau hendak buka kilang, satu kilang kain di-buka sa-kurang<sup>2</sup>-nya mahu \$10 juta, kalau 10 kilang sudah berapa million? Jadi kalau \$30 juta di-berikan kepada MARA bukan peruntokan yang layak, chukup bagi bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan. Saya tahu dalam Seminar yang telah di-adakan untok MARA dalam masaalah pengangkutan umpa-ma-nya, Ketua Bahagian Pengangkutan berkata, dia meminta \$2 juta lebeh untok membantu pengangkutan dalam masaalah MARA, apa yang dapat ia-lah chuma \$200,00 lebeh sahaja. Itu saya bacha dalam paper dalam Seminar yang telah di-terangkan di-hadapan ramai menunjukkan kewangan yang di-berikan kepada MARA itu chuma menchukupi untok menaikkan bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Jadi dalam masaalah perdagangan dan perusahaan ini, kalau modal tidak chukup, keperchayaan tidak datang. Kalau keperchayaan tidak datang, hubongan perdagangan tidak ada, kalau hubongan perdagangan tidak ada, kita tidak akan dapat meletakkan bumiputera dalam lapangan perda-gangan dan perusahaan.

Saya melihat banyak ahli<sup>2</sup> bumi-putera kita, orang Melayu kita, meletakkan harapan yang penoh, meletakkan keyakinan yang penoh, meletakkan harapan dan keperchayaan yang penoh, dalam masa 10 atau 20 tahun lagi. Kita akan dapat masuk dalam lapangan perdagangan dan perusahaan ini dengan chara yang benar<sup>2</sup> tidak sa-bagaimana apa yang kita ada. Tetapi ini kesemua-nya terhenti pada perolehan modal yang akan di-berikan oleh Kerajaan kepada MARA, kepada FAMA, kepada badan<sup>2</sup> yang boleh menolong bumi-putera dalam perdagangan ini.

M.I.D.F.L., sa-tahu saya, dapat jaminan daripada pinjaman dari Bank Dunia \$25 juta—suku daripada modal yang telah ada daripada Perbadanan ini yang ada di-tanam dalam perba-

danan itu, lain daripada pinjaman modal dalam perusahaan yang ada di-dalam perbadanan itu, maksud-nya bukan-lah itu chuma satu badan, satu perbadanan yang mengendalikan hal pinjaman modal kepada perusahaan sahaja belum lagi mengenai perkara<sup>2</sup> lain dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Ini saya kata keperluan bagi orang Melayu, keperluan bagi bumiputera, kalau kita hendak berjaya.

Saya lihat tenaga yang di-tekan, jentera yang di-pasang, orang yang di-letakkan dalam MARA ini sudah chukup, sudah kena pada tempat-nya. Kalau kita lari kereta MARA hari ini telah menekan 100 degree, 100 tekanan kepada kereta sudah naik 100 dia punya laju tekanan-nya. Kerajaan telah meletakkan Menteri Tidak Berjabatan, Tuan Abdul Ghafar Baba, satu orang daripada Melaka terpaksa meletakkan jawatan untuk mengambil peranan dalam MARA untuk menjalankan MARA itu dengan sa-chara yang benar<sup>2</sup> boleh memberi kesan yang baik, memberi harapan yang baik, memberi kepercayaan yang baik. Tetapi sa-jauh mana Tuan Abdul Ghafar boleh menjalankan, kalau sa-kira-nya modal tidak chukup? Sa-jauh mana kita boleh tekan kereta, kalau minyak-nya tidak chukup dalam tangki-nya? Kita boleh berjalan sa-jauh 100 batu, kemudian kita tekan lagi, naik 150 kereta tidak berjalan, apa yang kita tekan chuma accelerator sahaja, kereta tidak berjalan, roda sahaja berjalan, fasal tangki minyak sudah kosong. Jadi, itu-lah saya kata masaalah hendak meletakkan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan perlu kepada tiga empat perkara; perlu kepada modal, perlu kepada perhubungan perdagangan, perlu kepada ilmu pengetahuan, perlu kepada penukaran chara berfikir ra'ayat sendiri dalam masaalah itu.

Saya bimbang apa yang di-heboh<sup>2</sup>-kan hari ini, saya bimbang apa yang di-gembar-gemborkan hari ini bumiputera telah di-bantu, telah di-bantu, telah di-bantu. Bumiputera telah di-beri segala hak dalam masaalah ekonomi, saya takut nanti pada satu

masa Kerajaan memikirkan kami telah bantu bumiputera sa-lama 20 tahun, tetapi bumiputera maseh belum mahu bangkit dan masuk dalam lapangan perdagangan dan perusahaan dan pada sa'at itu, saya takut Kerajaan nanti akan hapuskan segala usaha ini kerana kekechewaan kerana usaha-nya untuk membantu bumiputera-nya. Saya takut dalam masa 10 atau 20 tahun lagi dengan apa yang kita chatit hari ini, dengan apa yang kita gembar-gemborkan hari ini, Kerajaan di-satu masa nanti menyatakan kekesalan hati-nya, kerana telah banyak membantu wang, tetapi bumiputera sendiri tidak mahu bangkit dan dudok di-tempat yang layak dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Jadi dengan kerana itu saya harap bukan sahaja kita hebohkan, gembar-gemborkan sahaja, tetapi mesti-lah kita menepati dengan kerja-nya dengan memberi kewangan yang chukup, dengan memberi minyak yang chukup untuk perjalanan yang jauh supaya di-satu masa jentera dan usaha kita ini akan di-beri rahmat oleh Tuhan, akan mendapat chita<sup>2</sup> kita ini berjaya dengan selamat.

Saya nampak dengan wang, dengan orang yang ada hari ini sudah kita memulakan pekerjaan kita ini. Apa yang perlu hari ini Kerajaan mesti mengadakan undang<sup>2</sup>—undang<sup>2</sup> dalam berbagai<sup>2</sup> bahagian lapangan perdagangan dan perusahaan, undang<sup>2</sup> yang boleh mengawal, undang<sup>2</sup> yang boleh meletakkan bumiputera di-lapangan perdagangan dan perusahaan. Bumiputera tidak boleh naik dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, kira-nya tidak ada undang<sup>2</sup> yang di-buat oleh Parlimen. Bumiputera tidak boleh menjalankan kenderaan sa-bagaimana kita ada Sri Jaya di-Kuala Lumpur, sa-bagaimana kita ada kenderaan<sup>2</sup> bas di-seluruh Malaysia ini yang di-kendalikan oleh bumiputera, kalau tidak kerana undang<sup>2</sup>, kerana Undang<sup>2</sup> Pengangkutan telah kata peratus lesen yang di-keluarkan hendak-lah di-kirakan ratio yang ada. Kalau sa-kira-nya di-negeri Kelantan 90% orang Melayu, lesen kenderaan hendak-lah di-beri kepada orang Melayu, sa-hingga habis tempoh ratio

90% itu baharu-lah di-buka untok pertandingan ini, bagitu juga di-Kuala Lumpur. Mengikut Undang<sup>2</sup> yang ada dalam pengangkutan kalau 60% orang Melayu yang ada di-bumi Kuala Lumpur ini, maka lesen pengangkutan hendak-lah 60% di-beri kepada bumiputera supaya dapat pertandingan sama dengan mereka yang lain. Apabila habis ratio itu, baharu-lah di-buka untok umum. Ini telah adil, telah di-terima oleh semua gulungan dengan semua pehak, semua rakyat negara kita ini. Undang<sup>2</sup> ini telah di-tetapkan oleh Kerajaan dengan persetujuan semua gulungan manusia. Orang<sup>2</sup> China terasa ada baik-nya undang<sup>2</sup> ini supaya hubungan antara orang<sup>2</sup> China dengan orang<sup>2</sup> Melayu itu baik. Kami telah mempunyai permit dan lesen pengangkutan bagitu lama masanya daripada semenjak penjajah sampai hari ini, sudah patut-lah kita beri kepada saudara kita orang<sup>2</sup> Melayu mengambil sama bahagian dalam pengangkutan. Ini ada-lah keikhlasan daripada kaum China terhadap orang<sup>2</sup> Melayu dan Undang<sup>2</sup> ini berjalan sa-hingga hari ini peratus telah meningkat dari satu masa kasatu masa. Jadi, maksud saya dengan undang<sup>2</sup>-lah orang<sup>2</sup> Melayu boleh naik dan boleh menyertai sama dalam lapangan pengangkutan dari segi lapangan perdagangan dan perusahaan. Kalau sa-kira-nya kita boleh meletakkan tapak orang<sup>2</sup> Melayu dalam pengangkutan ini dengan undang<sup>2</sup>, kenapa kita tidak boleh letakkan orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan perdagangan di-segi lain, di-chabang lain perdagangan dengan undang<sup>2</sup>? Kenapa tidak boleh kita buat satu undang<sup>2</sup> meletakkan orang<sup>2</sup> Melayu dari segi lapangan perdagangan dalam bahagian import-export? Kenapa tidak boleh kita meletakkan orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan perdagangan pada segi perindustrian umpama-nya dalam bahagian perusahaan? Kenapa tidak boleh buat undang<sup>2</sup> dalam perusahaan nyatakan orang Melayu berhak mendapat pertimbangan? Mana<sup>2</sup> modal luar yang hendak membena perusahaan-nya di-Malaysia ini, hendaklah mempunyai syarat<sup>2</sup> yang tertentu

yang boleh meletakkan, menjaminkan orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan itu. Kalau MARA tidak dapat menyertai sama dalam joint venture dengan mana<sup>2</sup> perusahaan luar negeri, boleh orang<sup>2</sup> Melayu mana pun dapat bersama. Ini-lah pada pendapat saya perlu Kerajaan mengkaji, Kerajaan menghalusi dengan teliti supaya usaha yang bagini besar, usaha yang bagini bersungguh<sup>2</sup> yang telah di-tunjokkan oleh Kerajaan akan dapat memberi kejayaan yang baik.

Saya memerhatikan orang<sup>2</sup> Melayu kita yang ada dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, kalau mereka buka kedai runchit di-kampung, macham saya hendak menitis ayer mata melihatkan keadaan suasanya. Saya pernah tengok tiga empat kedai runchit besar di-kampung telah terpaksa menutup pintu kerana sa-buah kedai runchit besar daripada orang yang bukan bumiputera pergi buka chawangan dia dekat kampung itu. Apa sebab, sebab-nya modal, sebab-nya hubungan perdagangan. Kedai runchit Melayu hendak pinjam modal \$2,500 kena di-soal berbagai<sup>2</sup> chara. Soalan itu mesti di-hadapi macham<sup>2</sup> soalan, mahu pinjam \$2,500; \$3,000; \$5,000. Hendak beli barang penoh kedai, itu pun kena bergadai, kalau ada tanah yang di-pusakai daripada datok nenek moyang-nya mesti di-gadai untok mendapatkan \$2,500. Kemudian di-soal lagi apa rahsia-nya, chara mana awak berniaga, macham mana awak hendak buat, ini wang bagaimana, korek habis dengan perut-nya, dengan pedai-nya, dengan tali-nya, di-keluarkan kawan itu tidak tahu apa hendak jawab. Tetapi bagi orang yang bukan bumiputera munchul di-satu tempat dengan tidak siapa yang soal dari mana modal datang. Dari mana barang ini penoh kedai. Chara mana dia menjalankan perniagaan ka-semua-nya itu rahsia. Ini perniagaan rahsia. Chara tiap<sup>2</sup> orang menjalankan perniagaan itu rahsia. Kalau di-korek segala perut, pedai-nya, perniagaan dia tidak berjalan, fasal orang lain tahu dia punya jalan sudah potong trip, habis tutup kedai.

Jadi, saya suka menerangkan dalam bahagian modal ini, kita telah adakan Konggres Bumiputera yang pertama. Saya masuk sa-bagai sa-orang ahli seminar, ia-itu ahli dalam kumpulan modal dan Bank Bumiputera ini timbul daripada masalah kerana hendak membantu modal kepada bumiputera. Chadangan yang timbul untuk menegakkan Bank Bumiputera, ia-lah kerana hendak membantu modal kepada bumiputera, tetapi apabila bank itu berjalan, dia punya peratoran sama sa-bagaimana bank yang ada di-dalam seluruh Malaysia.

Tidak ada masalah yang berbedza, kalau si-Mamat mahu berhubong dengan Bank Bumiputera, sama ada dia mesti berhubong dengan Chung Khiaw Bank, sama dengan Overseas Bank, sama dengan Chartered Bank, sama ada dengan Mercantile Bank, sama ada dengan Union Bank—sama sahaja. Chuma yang mudah-nya kalau Mamat ada pusaka datok nenek moyang di-tinggalkan, boleh senang buat chagaran dengan tidak payah pergi Exco. Itu sahaja kemudahan yang ada. Jadi saya rasa masalah modal bagi bumiputera ini masalah besar, masalah mesti di-kaji dan perlu di-kaji, walau dengan siapa pun, walau pun di-kaji oleh konggres-kah, oleh seminar-kah, oleh apa jenis perkumpulan perjumpaan oleh siapa, oleh badan mana sa-kali pun. Kita tak mahu bumiputera kita menjadi bola yang di-tendangkan ka-sana dan kamari. Kita tak mahu menghantar permohonan kepada M.I.D.F.L., untuk menegakkan sa-buah kilang di-lontarkan, awak pergi jumpa MARA. Jumpa MARA, MARA kata jumpa ini, jumpa itu. Jadi boleh di-tendang ka-sana kamari.

Jadi ini-lah apa yang saya hendak kemukakan kepada Dewan ini supaya kita dapat tegakkan, supaya dalam masa 10 atau 20 tahun lagi kita dapat letakkan bumiputera di-tempat yang baik dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Kalau Dato' Yang di-Pertua terasa saya punya perchakapan itu panjang sedikit hendak tanggoh persidangan, saya akan sambong sa-belah petang, sebab saya ada lagi

beberapa perkara masalah Kementerian yang saya hendak chakapkan.

Saya barangkali berulang banyak dalam masalah perdagangan dan perusahaan orang Melayu atau bumiputera kerana mengemukakan perasaan dan hasrat saya. Satu orang berchakap dalam interest dan itu barangkali 10 kali di-ulang sama-lah juga perasaan Tuan Abdul Ghafar waktu dia memegang MARA, dia ulang 10 kali diatas usaha untuk menegakkan MARA. Bagitu-lah perasaan hasrat dan chita<sup>2</sup> kebersehan hati dalam kehendak-nya untuk menjayakan sa-suatu pekerjaan itu.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya perlu berchakap atas masalah pelajaran, masalah Kementerian Pelajaran. Saya tidak bersetuju dengan Pembangkang tadi menyatakan dasar pelajaran kita ini hanyut. Saya kata dia tidak faham dasar pelajaran, fasal itu dia kata hanyut. Pembangkang tidak faham di-mana pelajaran itu dasar-nya, di-mana pentadbiran-nya, di-mana susunan-nya. Dia kata dasar pelajaran Kerajaan hanyut—itu karut, itu tidak benar. Dasar pelajaran Kerajaan ada dalam undang<sup>2</sup> dasar kita yang tidak hanyut dan maseh berjalan. Perubahan<sup>2</sup> susunan persekolahan itu ada-lah untuk menuju kepada matalamat dasar yang ada dalam Undang<sup>2</sup> Pelajaran. Saya bukan Menteri Pelajaran hendak menjawab Pembangkang, tetapi saya terpaksa mengemukakan perkara ini kerana nampak-nya Ahli Pembangkang itu berchakap dengan tidak ada pengetahuan dalam masalah dasar pelajaran.

Matalamat dasar pelajaran kita ia-lah supaya kita menyatukan ra'ayat seluruh Malaysia ini menjadi satu bangsa yang bersatu yang di-beri pelajaran mengikut aliran yang satu, mempunyai pengetahuan yang satu dan menuju kepada matalamat yang satu, kepada satu sekolah kebangsaan di-satu ketika apabila sesuai. Itu-lah sebab-nya daripada Dasar Pelajaran Razak, apabila di-kaji telah di-bawa kepada Dasar Rahman Talib, matalamat dasar itu tidak hanyut dan tidak berubah untuk menyatukan bangsa di-Malaysia

ini dan untuk mengadakan satu sistem pelajaran yang sama bagi menerbitkan warga-negara yang bertanggung-jawab dengan negara kita ini. Daripada Dasar Razak sampai kepada Dasar Rahman Talib hingga kepada Khir Johari hari ini dasar itu tidak berubah. Chuma chara dan kaedah susunan untuk menuju matalamat itu sahaja ada sedikit sa-banyak di-buat perubahan supaya sesuai matalamat dasar kita. Jadi saya faham Pembangkang itu tidak tahu dasar, kemudian dia kata-kata dasar itu hanyut.

Dalam masaalah pelajaran ini, saya suka menyebut dasar itu telah ada dan telah tegak. Apa yang kita mahu hari ini ia-lah membanyakkan kemudahan<sup>2</sup>, membanyakkan wang pentadbiran, mengator orang<sup>2</sup> yang sesuai untuk mengendalikan ahli<sup>2</sup> pelajaran. Kita ambil hal pelajaran ini daripada bawah—daripada sekolah rendah, ia-itu Sekolah Rendah Kebangsaan yang ada di-kampong<sup>2</sup>; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang ada di-kampong<sup>2</sup>. Mengikut chara pentadbiran-nya, sekolah<sup>2</sup> rendah ini pada masa mula<sup>2</sup> hendak di-tadbirkan ia-lah di-beri kuasa pentadbiran itu kepada Jema'ah Pengurus. Apabila Jema'ah Pengurus di-susun di-peringkat sekolah<sup>2</sup> rendah ini Kerajaan dapati tidak ada orang yang layak memegang Pengerusi Jema'ah Pengurus untuk menguruskan sekolah<sup>2</sup> ini.

Jadi terpaksa Kerajaan menyatukan Jema'ah Pengurus di-beberapa buah sekolah tiga atau empat buah sekolah di-adakan satu Jema'ah bersama disebut Jema'ah Bersama. Daripada tinjauan, daripada perhatian dan pengalaman perhubungan yang saya lakukan dengan Jema'ah<sup>2</sup> Pentadbiran ini, saya rasa sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan mengkaji balek, kerana sistem ini kita tidak boleh ikut dengan sistem yang ada di-England, di-Eropah, kerana Pak Ngah Mamat di-kampong tidak erti hendak mentadbirkan sekolah, kerana Pak Ngah Mamat itu sendiri belum bersekolah, jadi hendak mentadbirkan sekolah itu satu beban yang berat. Jadi terpaksa-lah Pak Ngah Mamat ini menyerahkan pentadbiran itu kepada Guru Besar. Dia tahu pergi

meshuarat Guru Besar, yang mengendalikan segala hal yang berkenaan dengan persekolahan. Jadi maksud kita hendak memegang pentadbiran, hendak menyerahkan pentadbiran itu kepada ibu bapa bagi mentadbirkan sekolah<sup>2</sup> di-kampong ini tidak berjaya dengan kerana pentadbiran itu dipegang oleh Guru<sup>2</sup> Besar yang ada dalam sekolah<sup>2</sup> itu, sa-hingga berbangkit perselisihan antara Guru Besar dengan Pengerusi Jema'ah Pengurus, sa-hingga berbangkit beberapa hal yang berkaitan dengan kewangan di-perengkat sekolah<sup>2</sup> rendah itu, yang menimbulkan berbagai<sup>2</sup> perkara yang saya fikir sudah sampailah bagi Kerajaan pada masa ini menghapuskan sistem Jema'ah Pengurus di-kampong<sup>2</sup> ini, dan tukarkan satu kaedah, satu chara yang baharu sesuai dengan pengetahuan yang ada pada orang<sup>2</sup> kampong itu supaya Pentadbiran Sekolah<sup>2</sup> di-perengkat rendah ini dapat berjalan dengan terator, supaya Pentadbiran Sekolah Kebangsaan yang akan mengeiuarkan murid<sup>2</sup> Sekolah Menengah Rendah, yang akan mengeluarkan murid<sup>2</sup> yang akan pergi ka-Universiti. Asas ini dapat di-perkokohkan, dapat di-perkemaskan supaya chara pentadbiran itu tidak merosakkan murid<sup>2</sup> sekolah. Saya melihat berkenaan dengan pentadbiran sekolah<sup>2</sup> rendah ini mustahak kita beri kuasa itu lebeh kepada Jabatan Pelajaran Negeri masing<sup>2</sup>, kerana Jabatan Pelajaran di-perengkat<sup>2</sup> Negeri itu mereka ini mempunyai orang<sup>2</sup> yang tahu hal pentadbiran sekolah. Kita mesti balek kepada memberi kuasa pentadbiran itu kepada orang yang tahu hal hendak mentadbirkan sekolah<sup>2</sup> itu supaya tidak di-salahgunakan kuasa yang ada pada orang<sup>2</sup> kampong itu oleh Guru<sup>2</sup> Besar yang mentadbirkan sekolah<sup>2</sup> itu yang menjadi Guru Besar dalam sekolah<sup>2</sup> itu.

Saya rasa Jabatan Pelajaran di-perengkat<sup>2</sup> Negeri hendak-lah di-susun sa-mula dan hendak-lah di-adakan pegawai<sup>2</sup> yang chukup untuk mentadbirkan, untuk menjagakan sekolah<sup>2</sup> di-perengkat rendah. Kalau sa-kira-nya kita terpaksa tambah wang, patut kita tambah wang, kerana ini-lah asas yang kita mesti kemaskan, mesti betulkan.

Saya nampak dalam masaalah pelajaran ini kemudahan pelajaran diperingkat rendah telah ada, tetapi kemudahan pelajaran di-peringkat menengah tidak begitu chukup dan juga di-peringkat universiti. Kita tengok di-universiti kita sangat-lah terhad faculty<sup>2</sup> yang dapat di-ambil oleh murid<sup>2</sup> yang hendak masuk universiti itu. Jadi bagaimana kita tahu ibu bapa yang ada di-dalam Malaysia ini tidak begitu kemampuan terutama-nya bumiputera—o r a n g Melayu kita, tidak ada wang untuk membelanjakan pelajaran anak<sup>2</sup>. Kalau sa-kira-nya mereka perlu kapada anak-nya pergi belajar tinggi, mereka terpaksa hantar keluar negeri, kerana universiti dalam negeri ini terhad tempat-nya, kerana Sekolah Menengah perengkat atas dalam negara kita ini terhad bilangan-nya, terutama-nya sekolah<sup>2</sup> aliran kebangsaan, aliran Melayu. Kalau sa-kira-nya kita ada anak sa-telah lulus L.C.E., sa-telah masuk Cambridge, bila hendak pergi ka-tingkatan H.S.C. itu sudah terhad-lah, peratus-nya sangat sedikit yang boleh di-terima. Jadi orang<sup>2</sup> bumiputera, orang Melayu kita daripada kampong tidak mempunyai wang untuk membelikan pelajaran ini.

Hari ini pelajaran ini telah menjadi satu benda yang di-beli untuk mendapat-nya. Kalau dahulu orang<sup>2</sup> Melayu kita takut hendak menghantar anak ka-sekolah, hari ini orang Melayu kita terpaksa bergadai, berjual untuk mendapatkan pelajaran anak-nya; itu pun tidak dapat hendak lakukan, kerana kemudahan<sup>2</sup> umpama-nya seperti universiti kita, faculty-nya terhad dan chara pelajaran yang dikenakan susunan itu terlampau ketat, tidak begitu longgar sa-bagaimana di-universiti<sup>2</sup> di-luar negeri. Jadi saya rasa darjah Tingkatan VI ini hendaklah di-tambah dengan sa-berapa banyak-nya. Universiti kita hendak-lah di-perbesarakan. Fakulti<sup>2</sup> yang belum ada mesti di-tambahkan. Saya ada teringat saudara kita di-sini mencha-dangkan dalam universiti supaya di-adakan dalam bahagian Fakulti Undang<sup>2</sup>, sa-hingga hari ini kita belum dapat mengadakan lagi. Jadi berapa

banyak murid<sup>2</sup> yang ada kechenderongan dalam fakulti undang<sup>2</sup> umpama-nya yang tidak dapat pergi ka-England, kalau ada fakulti<sup>2</sup> itu di-Malaysia ini, tidak payah-lah dia pergi ka-England, datang ka-Kuala Lumpur boleh masuk sahaja di-Universiti di-Kuala Lumpur ini.

Jadi berapa banyak orang<sup>2</sup> kita yang dapat mengambil bahagian masuk universiti ini? Saya tengok Fakulti Political Science umpama-nya lain<sup>2</sup> fakulti<sup>2</sup> lagi yang ada di-luar negeri, tidak ada di-negeri kita ini. Ini kesemua-nya, pada fahaman saya, ia-lah kerana kewangan untuk pelajaran ini terhad. Saya rasa kita punya tumpuan dalam perbelanjaan ini hendak-lah kita tumpukan kapada perdagangan dan perusahaan dan hendak-lah kita tumpukan kapada pelajaran, sebab satu<sup>2</sup> negara itu kalau mahu naik betul, ini-lah dua segi yang besar yang mesti di-beri betul<sup>2</sup> bantuan kewangan.

Sa-lain daripada masaalah itu, saya suka menyentoh sedikit dalam hal berkenaan dengan pemuda<sup>2</sup> negara kita ini—bahagian masaalah latehan kapada pemuda<sup>2</sup>. Menteri Muda kita, Engku Muhsein, ada di-hadapan kita. Beliau telah meranchangkan latehan<sup>2</sup> bagi pemuda<sup>2</sup> kita. Beliau telah mengatorkan programme dan daripada Hujongan Khas Uchapan Titah Seri Paduka kita ini, beratus<sup>2</sup> pemuda<sup>2</sup> lebeh kurang 400 lebeh pemuda<sup>2</sup> telah di-lateh di-satu kemah latehan, bukan latehan di-kemah Corrigger, tetapi di-sa-belah Selangor ini, di-beri latehan dan 800 lagi pada tahun ini akan keluar sa-telah di-lateh. Pada saya kalau kita memerhati di-atas terhad-nya pekerjaan, terhad-nya kebolehan kita dalam mencari pekerjaan kapada pemuda<sup>2</sup> kita, maka Pusat<sup>2</sup> Latehan ini perlu, latehan kemahiran seperti mana yang telah di-anjorkan oleh MARA, latehan daripada Kementerian Kebudayaan kita perlu, perlu di-lateh di-beri kemahiran, sebab saya tahu benar<sup>2</sup> pemuda<sup>2</sup> kita ini apabila keluar daripada sekolah, mereka tidak mahu bekerja di-dalam pekerjaan<sup>2</sup> yang kotor, pekerjaan<sup>2</sup> yang berat sa-bagaimana yang patut di-buat oleh mereka.

Mereka ini tidak akan berubah fikiran dan sikap-nya kalau tidak di-basoh otak-nya, kalau tidak di-himpunkan dalam satu kemah di-basohkan otak-nya, di-beri fahaman yang betul—dunia 30 tahun lagi di-masa hadapan, bukan dunia hari ini, baharu mereka ini boleh dapat buat perubahan<sup>2</sup>. Kalau tidak kita nanti melihat pemuda<sup>2</sup> kita mengukor jalan di-tepi<sup>2</sup> jalan. Dia bawa tali tape, dia ukor jalan di-tepi<sup>2</sup> jalan. Dia tidak ada kerja lain kalau tidak di-basoh chara pemikiran perasaan diri-nya dan sa-bagai-nya.

Saya menhadangkan ia-itu patut tambahan perbelanjaan ini di-beri kepada Kementerian Kebudayaan ini supaya belia<sup>2</sup> kita ini di-beri latehan betul<sup>2</sup>. Kita mahu tengok 60 peratus daripada belia kita telah keluar daripada sekolah mesti ada latehan, latehan jiwa, latehan pertukangan dan latehan serba-serbi-nya. Kita mahu tengok belia<sup>2</sup> kita ini berada di-dalam masharakat dengan perasaan yang baik menjadi sa-orang belia yang bertanggung-jawab. Kita mahu menengok, kalau dahulu-nya di-panggong<sup>2</sup> wayang bila di-tayangkan gambar Seri Paduka Baginda kita, mereka ini tidak berdiri, tetapi dengan latehan belia yang ada di-beri ini, mereka ini akan mengajar mereka<sup>2</sup> yang tidak ta'at setia itu supaya mengerti dan tahu menghormati negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tangguhkan sa-hingga pukul 2.30 petang.

*Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah-hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 2.30 petang.*

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN (1968)**

**Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sa-masa persidangan ini di-tangguhkan tadi, saya baharu selesai mengemukakan penda-

pat saya di-atas perkara Kementerian Belia dan Sokan. Bagi menyambong ucapan saya dan pandangan<sup>2</sup> yang harus saya beri dalam beberapa Kementerian yang berkenaan, saya suka menyentuh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri ini satu Kementerian yang baharu di-tubuhkan sa-telah kita merdeka. Saya sedar sa-bagai sa-buah Kementerian yang baharu di-tubuhkan tentu-lah kita tidak dapat hendak menyempurnakan Kementerian itu dengan lengkap-nya dengan pegawai<sup>2</sup> dan persediaan<sup>2</sup> yang cukup untuk menghadapi pergolakan politik dunia pada masa ini, tetapi sunggoh pun demikian saya rasa perlu saya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan supaya kita tidak ketinggalan dalam berbagai<sup>2</sup> perkara sa-bagai sa-buah negara yang muda yang baharu timbul di-dalam lapangan international ini.

Saya perchaya perkara yang besar dalam Kementerian Luar Negeri ini ia-lah perkara berkenaan dengan penerangan hal ehwal luar Negeri. Dalam masalah penerangan bagi Kementerian Luar Negeri ini, saya faham pegawai yang sedia ada telah bertukar dengan pegawai baharu yang telah mengambil tempat mereka. Saya rasa Kementerian ini harus menyusun satu badan yang lengkap bagi hal penerangan luar negeri, kerana dalam lawatan saya ka-Italy, lawatan saya ka-Bangkok, ka-Filipina dan beberapa buah negara lain, saya dapati keadaan persediaan bagi jabatan<sup>2</sup> yang ada di-luar negeri itu sangat-lah kekurangan dan lemah. Saya melihat Kementerian kita tidak dapat mengadakan alatan<sup>2</sup> yang cukup untuk penerangan masaalah negara kita di-luar negeri. Buku<sup>2</sup> siaran<sup>2</sup>, majallah<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya sangat-lah kurang bagi Duta<sup>2</sup> atau pun Duta<sup>2</sup> Besar kita di-luar negeri menyampaikan apa yang ada untuk pengetahuan negara<sup>2</sup> yang ada di-seluruh dunia ini.

Sa-lain daripada itu, banyak pegawai<sup>2</sup> yang kita hantar ka-luar negeri terdiri daripada pegawai<sup>2</sup> muda yang baharu lulus daripada pengajian<sup>2</sup> tinggi mereka. Mereka ini sangat kurang

di-dalam masaalah politik negara kita ini dan mereka ini sangat kurang di-dalam kecekapan menghadapi politik dunia pada masa ini. Saya suka tunjukkan satu chontoh di-mana saya menghadapi sa-orang pegawai di-satu kedutaan di-luar negeri manakala saya minta satu senarai nama<sup>2</sup> ahli pedagang di-dalam negeri yang dia di-tempatkan itu dia serba salah tidak dapat mengemukakan senarai pedagang<sup>2</sup> yang ada hubungan perdagangan dengan negara kita ini. Ini menunjukkan mereka tidak menjalankan pekerjaan itu dengan sa-chekap<sup>2</sup>-nya untuk menghubungkan di-antara negara itu dengan negara kita ini. Jadi, saya rasa, latehan kursus dan sa-bagai-nya harus di-beri kepada mereka ini supaya mereka itu benar<sup>2</sup> tahu tugas mereka dalam menghadapi pekerjaan yang di-tugaskan kepada mereka itu.

Jadi, saya rasa, sa-lain daripada itu sa-tengah<sup>2</sup> daripada pegawai di-luar negeri itu pula menghadapi kesulitan<sup>2</sup> kewangan dan sa-bagai-nya. Jadi, saya rasa elok-lah Kementerian kita di-sini mengambil satu langkah yang chergas dalam mendapatkan wang yang lebeh untuk perkara hal ehwal di-luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengalami satu masa yang sangat sedeh ia-itu masa konfrantasi dahulu. Masa konfrantasi dahulu Kedutaan<sup>2</sup> kita di-luar negeri tidak dapat menghadapi propaganda<sup>2</sup> yang telah di-taborkan di-seluruh dunia. Mereka tidak dapat hendak menghadapi kegentingan masaalah yang terpaksa mereka jalankan pada masa itu kerana mereka tidak mempunyai chukup alatan kerana mereka tidak mempunyai persediaan, kerana mereka tidak mempunyai latehan yang tertentu dalam menghadapi masaalah dunia. Jadi, saya rasa, untuk kita menghadapi masa hadapan yang lebeh bergelora dalam dunia hari ini, untuk kita menghadapi masa hadapan yang lebeh berkehendakkan kepada kecekapan, berkehendakkan kepada pekerjaan yang lebeh chergas, saya rasa perlu Kementerian yang berkenaan berhubong dengan Kementerian Kewangan supaya

mendapat wang yang lebeh, untuk mengator susunan yang lebeh kemas bagi pekerjaan di-jabatan<sup>2</sup> di-luar negeri itu.

Saya pernah dengar rungutan yang perhubungan di-antara Kementerian Luar Negeri dengan Kedutaan kita di-luar negeri itu pun tidak bagitu lancar dan chergas sa-hingga pernah berlaku ada Menteri yang hendak melawat sa-buah negara luar, maka Duta kita di-luar negeri itu tidak dapat perkhabaran, maka sa'at akhir baharu perkhabaran yang mengatakan sa-orang daripada Menteri kita di-sini hendak melawat negara itu. Jadi, di-sini kelam-kabut-lah keadaan pentadbiran di-kedutaan luar negeri itu. Jadi ini ada-lah menunjukkan kelemahan perhubungan di-antara Kedutaan kita dengan Kementerian Luar Negeri kita ini. Jadi perlu-lah perkara ini diperbetulkan, di-susun kembali dan di-perkemas supaya sesuai dengan keadaan masa dan pergolakan dunia hari ini.

Saya tidak hendak berchakap panjang kerana banyak saudara<sup>2</sup> saya yang lain suka mengemukakan pendapat<sup>2</sup>-nya. Saya suka menguchapkan terima kaseh kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berchakap lebeh sedikit masa-nya daripada biasa saya berchakap.

**Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil peluang di-dalam perbahathan bersangkutan dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Biasa ini dan pada umum-nya ada-lah Anggaran Perbelanjaan ini patut kita luluskan dengan kerana memandang perkara<sup>2</sup> yang mustahak yang terpaksa di-tambah pada Jabatan<sup>2</sup> dan Kementerian<sup>2</sup> yang bersangkutan.

Pada keseluruhan-nya saya suka menyentoh berkenaan dengan Perbelanjaan<sup>2</sup> Tambahan ini ia-itu ada berkait dengan beberapa perkara yang hendak menambah bagi melichinkan atau membaikkkan pentadbiran di-dalam sa-suatu Kementerian. Saya suka menyentoh beberapa Kementerian yang berkaitan. Pertama-nya bersangkutan

dengan Kementerian Keadilan. Di-dalam Tambahan Perbelanjaan ini patut di-buat, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara<sup>2</sup> yang kita fikir perlu di-tambah tetapi yang menyedehkan ada beberapa perkara juga telah berbangkit di-dalam Kementerian<sup>2</sup> yang berkenaan telah menjadi kerumitan kepada ra'ayat<sup>2</sup> di-dalam negara kita ini.

Saya suka bawa satu pandangan ia-itu bersangkutan dengan pentadbiran Kementerian. Baharu<sup>2</sup> ini ada sa-orang kontrak daripada bumiputera yang telah membuat kontrak ia-itu committory block di-Penjara, Alor Star. Bumiputera ini telah menjalankan pekerjaan dan kontrak itu telah selesai hampir tujuh lapan bulan yang telah lalu. Bayaran wang yang telah di-bayarkan mengikut perjanjian melalui Jabatan Jurutera Negeri, progress payment yang pertama di-bayar, yang kedua di-bayar, yang ketiga-nya di-gantong berpuluh<sup>2</sup> ribu kepada satu kontrakter bumiputera kecil ini sa-lama hampir tujuh bulan.

Bila kita ambil satu tindakan melalui Dewan Perniagaan Negeri atau pun gabungan, bila tanya Pejabat Jurutera Negeri, dia tolak kepada Jabatan Penjara, Jabatan Penjara jawab-nya Kementerian Keadilan tidak dapat membuat sa-suatu bagi menyelesaikan pembayaran itu, walau pun ada syarat 5% yang mesti di-tanggohkan sa-hingga kerja itu selesai sa-lama enam bulan, tetapi wang ini di-tanggohkan sa-hingga tidak ada satu puncha yang boleh di-perchaya dengan kerana ada satu<sup>2</sup> sebab yang lain hanya ia-lah red tape atau pun yang menjadi kelambatan di-dalam Kementerian ini. Bila di-tanya kepada Kementerian ini, apa yang di-jawab ia-itu dia ada bersangkutan dengan E.P.U. (Economic Planning Unit) hendak memberi kebenaran.

Saya tidak faham, ada-kah satu bayaran yang bersangkutan dengan satu projek itu sa-belum di-luluskan oleh E.P.U. akan di-buat! Yang sa-tahu saya pekerjaan itu telah di-setujui oleh E.P.U. dahulu baharu-lah di-laksana-

kan. Bila di-tanya kepada E.P.U., E.P.U., tolak pula kepada Perbendaharaan. Perbendaharaan tidak dapat menyelesaikan. Yang si-kontrakter daripada bumiputera itu sa-lama lapan bulan dia telah menerima beberapa banyak notis<sup>2</sup> saman—ini akan memberi kesan kepada kontrakter ini.

Jadi dengan keadaan yang berjalan sa-macham ini, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan pentadbiran di-antara satu pejabat dengan satu pejabat yang lain, di-antara satu Kementerian dengan satu Kementerian yang lain, ada-lah ikta bimbangkan yang mana bumiputera sekarang sedang masok di-dalam bidang perniagaan dan perusahaan, tetapi dengan ada-nya sa-macham ini, lama-kelamaan bumiputera yang mengambil bahagian di-dalam bidang perniagaan dan perusahaan ini merosot daripada sa-masa ka-samasa, lama<sup>2</sup> lenyap sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Senator Nik Hassan tadi.

Kita di-dalam memperkembangkan perdagangan dan perusahaan bumiputera ini mengikut tujuan<sup>2</sup> kita ia-itu pada satu masa kita hendak memberi persaimbangan dengan orang<sup>2</sup> yang bukan bumiputera. Tetapi jikalau dengan keadaan yang sa-macham ini bukan sahaja kita tidak akan menchapai chita<sup>2</sup> itu malahan kita akan menerima sa-satu malapetaka kepada bumiputera di-dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Jadi bila saya sebutkan Kementerian Keadilan tadi, tetapi bila saya menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa bukan sahaja Kementerian Keadilan ini terbabit dalam masalah ini berma'ana Kementerian Kewangan juga dan Kementerian<sup>2</sup> yang ada bersangkutan dengan E.P.U. juga ada berkaitan dengan kelemahan pentadbiran. Saya rasa kelemahan ini tidak patut jadi dengan kerana Yang Amat Berhormat Tun selalu melawat, kita perchaya di-dalam sa-tengah<sup>2</sup> bahagian beliau telah menerangkan pentadbiran kita ini chukup chekap di-dalam negara kita ini, satu pentadbiran yang elok. Dengan pandangan yang saya bawakan ini ada-lah

sa-bagai contoh supaya Anggaran Perbelanjaan ini di lulus dengan meng-saimbangan perjalanan pentadbiran di-dalam tiap<sup>2</sup> Kementerian ini mestilah sesuai atau saimbang dengan apa yang kita luluskan di-dalam Dewan ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyentoh berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaannya yang mana Yang Berhormat Senator Nik Hassan telah membayangkan beberapa perkara yang berkait dengan bumiputera dalam masalah perdagangan dan perusahaan. Di-sini ada satu perkara yang saya patut sebutkan di-dalam Dewan ini ia-itu perniagaan dan perusahaan yang sedang di-anjorkan atau pun di-buat di-antara kita dengan Indonesia.

Baharu<sup>2</sup> ini saya dapat di-fahamkan ia-itu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah mengadakan satu Surohanjaya Bersama. Dalam Surohanjaya itu, kalau tidak silap saya, ia-itu hendaklah daripada 10 orang daripada Kerajaan Malaysia dan 10 orang daripada Kerajaan Indonesia. Tujuan-nya hendak memulehkan perdagangan dan perusahaan di-antara kedua<sup>2</sup> buah negara ini yang mana kita dapat tahu ia-itu sa-belum perang ini perusahaan, perhubungan perniagaan ini telah di-buat peranggaran, agak anggarkan ia-itu sa-belum konfrantasi meningkat sa-hingga \$220 juta, tetapi sa-lepas konfrantasi ini telah di-buat hanya dapat di-salorkan perdagangan ini yang berjumlah \$50 juta atau pun \$60 juta sa-tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sedang berjalan perdagangan dan perusahaan dengan Indonesia, tetapi kalau Surohanjaya Bersama ini tidak dapat meliti dengan baik, ia-itu yang saya maksudkan beberapa orang bumiputera yang telah mengambil bahagian membuatkan perhubungan perniagaan dengan Indonesia, malang-nya orang<sup>2</sup> daripada Malaysia ini-lah yang menanggung kerugian. Kerugian ini kalau hendak saya sebutkan di-sini dengan ringkas-nya ada-lah menjadi tidak baik kalau satu persatu saya

terangkan di-dalam Dewan ini, tetapi pada dasar-nya beberapa faktor yang telah kita dapat kenyataan daripada bumiputera yang telah menjalankan perniagaan ini daripada Pulau Pinang, daripada Kuala Lumpur, juga daripada Johor, yang telah mengalami kerugian<sup>2</sup> itu, dan saya mengeshorkan dalam Dewan ini, ia-itu di-dalam Surohanjaya Bersama itu supaya dapat bersama<sup>2</sup> di-beri peluang kepada gabungan, ahli gabungan daripada Dewan<sup>2</sup> Perniagaan Melayu, Malaysia, supaya dapat dudok di-dalam Surohanjaya Bersama itu beberapa orang yang patut supaya dapat di-terangkan satu persatu kesulitan<sup>2</sup> yang telah di-alami oleh bumiputera yang mengambil bahagian di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan ini.

Saya perchaya dengan ada-nya Surohanjaya Bersama ini ada-lah tujuan hendak meluaskan lagi perusahaan dan perdagangan dengan Indonesia, tetapi beberapa faktor yang merumitkan itu, jika tidak dapat di-fahami oleh Surohanjaya Bersama ini, saya rasa perhubungan atau peluang bumiputera hendak masuk di-dalam perusahaan itu tipis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hendak menyentoh bersangkutan dengan beberapa Kementerian, ia-itu di-atas red tape, atau melibatkan satu<sup>2</sup> perkara yang telah di-putuskan oleh Dewan Ra'ayat, atau pun Dewan Negara ini, atau pun apa<sup>2</sup> perkara yang telah di-chadangkan oleh Kerajaan mithal-nya, ura<sup>2</sup> hendak membuat kilang peluru. Saya dengar perkara ini dua tahun dahulu, tetapi Kementerian yang berkenaan hanya sa-takat ini baharu di-dalam tingkatan penyelesaian. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah supaya perkara ini dan tiap<sup>2</sup> perkara supaya jangan membawakan kepada satu ranchangan yang telah di-chadangkan itu melibatkan sa-hingga menjadi satu perkataan yang orang kata macham meriam buloh, orang Kedah kata macham meriam buloh tembak sahaja deras, tetapi perkara itu tidak menjadi kesan.

Baharu sa-bentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, Senator dari Kedah, ia-itu

Dato' Dr Cheah Toon Lok ada berchakap bersangkut dengan protokol. Saya suka bawa perkara ini bersangkut juga dengan Kementerian Penerangan. Memang ada terjadi di-dalam negeri<sup>2</sup> yang mana Ahli<sup>2</sup> daripada Dewan Negara ini, atau pun Dewan Ra'ayat, tidak di-layani bukan-nya maksud kita ini hendak mendapat satu kebesaran, tetapi saya rasa kita dudok dalam Dewan ini, Ahli<sup>2</sup> yang dudok dalam Dewan ini, mesti-lah dapat satu penghormatan sa-bagai sa-orang Ahli yang bersama<sup>2</sup> memberi kepentingan kepada negara ini. Saya tidak hendak-lah kata kalau di-buboh-lah kerusi di-belakang, atau di-mana<sup>2</sup> satu tempat asalkan di-fikir oleh ra'ayat atau bagi pehak<sup>2</sup> yang berkaitan itu bahawa kehormatan itu tidak terbabit, lebeh<sup>2</sup> lagi saya bawa-kan pandangan di-sini, ia-itu dalam Kementerian Penerangan, perbedzaan di-antara Dewan Ra'ayat dengan Dewan Negara ini. Kalau Dewan Negara ini di-jadikan satu Dewan Tertinggi, kalau apa<sup>2</sup> perkara butir<sup>2</sup> yang telah di-chakap, atau bangkitkan di-dalam Dewan Ra'ayat, sering kali kita biasa dengar daripada pemerhati<sup>2</sup> talivishen, ada di-masokkan, tetapi daripada Dewan Tertinggi ini tidak ada, kalau ada pun, barangkali satu<sup>2</sup> perkara yang terpaksa kena buat. Jadi di-sini-lah saya tidak mengerti apa-kah kedudukan Dewan Tertinggi ini. Jadi ini saya suka-lah mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkaitan.

Saya suka bawa-kan kepada Kementerian Tanah dan Galian. Di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Biasa ini, ia-itu Kementerian ini meminta tambahan sa-banyak \$15,000 bersangkut dengan wang membeli sa-buah motokar. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, penambahan ini adalah satu penambahan yang sangat sedikit, tetapi sangat sedikit pun ada berkaitan juga dengan kemajuan. Pertama-nya saya suka-lah, kalau boleh, biar-lah Kementerian ini beli motokar, atau pun tambah motokar ini, ia-itu motokar yang sesuai boleh kejar, kalau boleh, biar-lah di-assemble di-Malaysia ini supaya menjadi satu galakan kepada orang ramai.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya berchakap bersangkut dengan Uchapan Titah berhubung dengan Kementerian Tanah dan Galian ini, banyak, tetapi saya tidak dapat jawapan daripada Menteri<sup>2</sup> yang berkaitan pada masa itu. Tetapi biar-lah pada kali ini yang saya chuba kaitkan sedikit.

Dalam Kementerian Tanah dan Galian ini memang ia telah membuat satu angka kebolehan wang daripada luar negeri yang menggalakkan, atau boleh saya kata baik. Saya ada sebut-kan di-dalam ucapan saya bersangkut dengan Hujongan Khas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ia-itu berkaitan dengan logam emas, tetapi saya tidak dapat menerangkan, atau mengulaskan dengan panjang sedikit. Saya suka menerangkan di-sini tambahan kepada Kementerian ini, ia-itu emas, logam emas ini boleh di-usahakan dengan satu chara yang boleh mendapat galakan daripada luar negeri, dengan kerana perusahaan ini, saya tengok, satu perusahaan yang besar yang boleh dapat hasil, atau boleh dapat kejayaan di-dalam negara kita ini.

Saperti yang saya terangkan, ia-itu ada kesan<sup>2</sup>-nya di-Kelantan dan di-Utara Pahang dan di-Upper Perak. Kesan<sup>2</sup> ini yang saya dapat tahu sendiri ia-itu daripada beberapa orang ra'ayat yang dudok di-kawasan<sup>2</sup> itu yang telah memberi tahu kepada pelombong<sup>2</sup>, tetapi daya usaha ini saya rasa patut-lah Kementerian ini meng-ambil satu perhatian yang berat, kalau mustahak-lah macham mana dia hendak bagi kepada perusahaan luar negeri bersangkut dengan menchari gali perkara minyak, patut juga di-beri di-dalam bahagian menchari emas ini pun patut di-beri satu pandangan ia-itu supaya mempelawakan kepada modal<sup>2</sup> besar, ia-itu dengan galakan memberi taraf perintis.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar tadi beberapa banyak sungutan<sup>2</sup> berkenaan dengan Kementerian<sup>2</sup> bersangkut ia-itu tidak memuaskan pada

hati ra'ayat terutama sa-kali bumiputera yang mengambil bahagian di-dalam bidang perusahaan ini. Saya shorkan dengan kerana banyak perkara<sup>2</sup> yang kita ra'ayat negeri ini yang telah menanggung penderitaan kesusahan di-dalam masaalah<sup>2</sup> perusahaan atau perniagaan atau pun di-dalam masalah bersangkut dengan segala perkara, walau pun di-dalam bahagian pertanian, di-dalam bahagian menambah puncha<sup>2</sup> sumber kewangan dalam negara kita ini. Bila kita berselisih dengan satu Kementerian atau dengan satu pejabat, kita hendak menerangkan perkara itu kepada pehak itu bahawa memang orang<sup>2</sup> peniaga tidak dapat hendak berchakap dengan lantang, dengan kerana dia terdiri daripada orang peniaga. Jadi perkara yang kesulitan-nya itu kalau di-bangkitkan perkara itu dengan chara yang kasar mithal-nya yang saya sebutkan tadi kesusahan yang di-terima sa-lama 8 bulan dia tak dapat duit daripada Kementerian itu, dia ada hak boleh mengadu kenapa wang-nva tidak dibayar, tetapi ada-kah ahli berniaga yang sa-macam itu hendak mengadu pula mengambil tindakan mahkamah kepada Kerajaan. Tetapi kita tahu, kalau kita, Kerajaan mengambil tindakan, kalau satu tahun tanah tidak bayar hasil, kita boleh ambil tindakan lelong, tetapi ada-kah orang<sup>2</sup> berniaga ini boleh buat macam itu, kalau dia boleh pun, dia tak buat.

Oleh hal yang demikian, jadi hendak mengatasi perkara yang sa-macam ini, perkara kesulitan<sup>2</sup> yang sa-macam ini yang mana saya biasa bangkitkan ia-itu kita menghadapi krisis kewangan. Jadi bila krisis kewangan tiap<sup>2</sup> satu orang masok berniaga, lagi satu masok, semua mengalami kejatohan. Bila dia ini jatuh satu demi satu, maka akibatnya kerugian kepada negara kita. Jadi dengan hal ini saya chuba shorkan kepada Kerajaan atau kepada Kementerian yang bersangkutan, ia-itu satu Surohanjaya Bebas siasat perkara yang bersangkutan dengan kemajuan negara. Surohanjaya Bebas siasat kemajuan negara ini, dia bebas daripada Kementerian<sup>2</sup> lain. Jadi, kalau ada perkara

yang dia hendak kemukakan, dia tidak berasa takut, dan dia tidak berasa akan merosakkan perniagaan dan perusahaan dia, dengan jalan itu ia boleh memberi report atau memberi jawapan balek kapada pehak<sup>2</sup> yang membuat aduan itu supaya dapat mengatasi masaalah kesulitan<sup>2</sup> ini, maka dengan jalan itu dapat-lah ekonomi negara kita ini bergerak maju supaya dapat mengatasi krisis kewangan yang mana kita biasa dengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Yang di-Pertua, sekian-lah sahaja pandangan saya bersangkut dengan Anggaran Perbelanjaan Biasa Tambahan ini.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah:**  
Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah menumpukan pandangan saya di-atas Perbelanjaan Tambahan yang ada di-hadapan Majlis ini mengikut Kertas Perintah 32 tahun 1968 dan saya tahu mengikut Standing Order kita di-bawah S.R.O. 52 berkenaan dengan dasar<sup>2</sup> tentu-lah tidak dapat di-chakap di-dalam Majlis ini, sungguh pun nampak-nya dari pagi tadi banyak daripada Ahli<sup>2</sup> yang telah berchakap dengan panjang lebar berkenaan dengan dasar<sup>2</sup>-nya. Kita pada hari ini memandang kepada kedudukan kewangan bagaimana yang kita tahu, jadi pada pendapat saya, patut-lah bagi pehak Kerajaan berchermat pada membelanjakan peruntokan<sup>2</sup> yang telah di-luluskan di-dalam persidangan peruntokan belanja tahunan. Saya tidak-lah begitu suka di-dalam Majlis ini datang dari satu masa ka-satu masa permohonan tambahan perbelanjaan yang meminta daripada beberapa Jabatan Kerajaan. Kalau boleh, saya suka-lah menyeru kepada pejabat<sup>2</sup> supaya belanjakan wang peruntokannya itu bagaimana yang di-untokan itu sahaja, jangan-lah berlebehan<sup>2</sup> jika boleh, tetapi saya tahu perkara ini susah hendak membuat-nya, kerana ada masa<sup>2</sup>-nya, ada peruntokan<sup>2</sup> itu yang tidak di-sangka<sup>2</sup> berkehendakkan tambahan dari satu masa ka-satu masa.

Di-dalam peruntokan yang ada di-hadapan kita di-Majlis ini, sungguh

pun biasa kita dapati Kerajaan meminta sa-umpama ini, tetapi ada dua perkara saya suka hendak menarek perhatian Ahli<sup>2</sup> Majlis ini, pertama-nya berkenaan dengan tambahan ini ada tempat<sup>2</sup>-nya berlebehan daripada peruntokan yang asal. Ini satu perkara yang menjadi hairan kapada saya, kerana kalau kita minta tambah itu ma'ana sa-kurang<sup>2</sup>-nya duit hendak tambahan itu kurang daripada peruntokan yang ada, tetapi kalau sa-saorang daripada Ahli<sup>2</sup> Majlis ini membacha dalam kertas ini akan dapati ada beberapa tempat yang peruntokan itu lebeh kechil daripada yang dia minta tambah pada hari ini. Ini saya rasa ada sadikit pelek memandang-nya.

Yang kedua, saya suka hendak menarek perhatian ada pula beberapa tempat meminta tambahan ini yang tak ada langsung peruntokan-nya, tetapi dia sebut di-situ meminta tambahan. Biasa-nya kita hendak minta tambah itu sudah ada peruntokan itu, baharu kita minta tambah, tetapi kalau di-bacha-lah di-dalam Kertas Perintah ini ada di-dapati beberapa tempat yang tak ada langsung peruntokan-nya, walau "token vote" \$10 pun tak ada, tetapi ada dia minta tambahan—"additional sum". Ini pun satu benda yang pelek kapada saya. Satu tempat yang saya nampak terang di-sini, dia meminta tambah berkenaan perbelanjaan kerana Menyambut Hari Kemerdekaan. Saya tahu Hari Kemerdekaan itu di-sambut tiap<sup>2</sup> tahun. Kenapa tidak boleh di-masokkan peruntokan-nya itu terlebeh dahulu, tiba<sup>2</sup> ini hari kita dapati di-dalam Kertas Perintah ini ada meminta tambahan yang begitu besar. Kalau betul<sup>2</sup> Kerajaan menjalankan kerja-nya, perkara yang hendak di-belanjakan dalam tiap<sup>2</sup> tahun itu mesti-lah di-masokkan di-dalam peruntokan belanjawan tahunan dan kalau tidak chukup baharu-lah di-minta tambahan. Itu satu mithal sahaja dan lagi ada banyak di-dalam perkara ini kalau sa-siapa membacha-nya dalam Kertas Perintah ini.

Dan saya suka juga-lah menarek perhatian Majlis ini, nampak-nya tam-

bahan ini ada meminta permohonan hendak membeli banyak motokar<sup>2</sup>. Satu daripada-nya kerana Menteri Ta' Berjabatan. Dan lagi satu Kementerian Tanah dan Galian, ia-itu ada dua lagi minta tambahan membeli motokar<sup>2</sup>, kerana Menteri Kesihatan. Saya berchakap ini memandangkan pada masa yang dia membeli motokar dahulu itu hanya-lah tahun 1965. Saya tidak tahu-lah bagaimana polisi Kerajaan itu hendak menukarkan motokar<sup>2</sup> Menteri-nya itu tiap<sup>2</sup> dua tahun, atau tiga tahun. Saya tahu saya sendiri pakai motokar hingga lima enam tahun boleh tahan. Jadi saya rasa, dengan sebab kedudukan kewangan kita hari ini, saya berharap-lah pada masa akan datang, kalau sa-kira-nya membeli motokar<sup>2</sup> itu tidak berapa mustahak, patut juga-lah di-gunakan motokar<sup>2</sup> yang ada itu lebeh panjang sadikit daripada yang ada di-minta peruntokan ini, kerana membeli motokar itu pada tahun 1965, boleh jadi tahun 1965 itu dalam bulan Disember, kalau bulan Disember tahun 1965, belum sampai dua tahun lagi. Jadi perkara<sup>2</sup> yang di-minta tambahan ini, ada beberapa banyak yang saya dapati tidak begitu mustahak dan saya takut-lah kalau berpanjangan sa-macham ini akan menyebabkan berlebeh<sup>2</sup> lagi lemah-nya kedudukan kewangan kita.

Saya suka juga hendak menarek perhatian kapada Kepala B.22 ini, berkata kerana belanja wakil menchari duit kita kerana hendak meminjam wang. Kita belum tentu lagi dapat atau tidak hendak meminjamkan wang, tetapi belanja wakil<sup>2</sup> yang pergi itu \$30,000. Saya tidak tahu-lah bagaimana yang kita mesti belanja begitu besar kerana hendak meminjam wang, kerana perkara hendak meminjam wang itu pada fikiran saya boleh memadaï dengan berutus<sup>2</sup> surat. Kita hendak pergi menghantar wakil kita dengan perbelanjaan begitu banyak, saya fikir itu tidak menasabah. Kalau kita tengok di-sini peruntokan-nya tidak ada langsung, tiba<sup>2</sup> dia minta tambah \$30,000 kerana hendak menchari wang. Tetapi kita tidak tahu sama ada duit itu dapat atau tidak,

bila dapat itu pula kena bunga lagi, bila bunga itu kena, terok-nya pada negeri kita juga yang menanggung-nya.

Jadi saya rasa dalam membahathakan Rang Undang<sup>2</sup> ini pada bacaan yang kedua-nya, itu-lah sahaja pandangan<sup>2</sup> saya yang saya suka hendak kemukakan, tetapi yang kuat saya katakan ia-itu memandang kepada kedudukan kewangan kita. Saya harap dalam tahun ini kita tidak dapat lagi Kertas Perintah meminta wang lagi seperti ini, kerana saya harap Kerajaan akan berlebeh<sup>2</sup> chermat pada membelanjakan peruntokan-nya dan, kalau boleh, bukan sahaja membelanjakan wang-nya itu sa-banyak peruntokan yang ada sahaja, bahkan patut di-berikan satu galakan kepada Kementerian<sup>2</sup>, atau Pejabat<sup>2</sup> yang boleh menunjukkan bahawa dia boleh menyelamatkan wang peruntokan itu pada akhir tahun ini. Kalau ada di-antara Kementerian<sup>2</sup> atau Pejabat<sup>2</sup> yang boleh menunjukkan pada akhir tahun ini, boleh menunjukkan keselamatan ya'ani "saving", itu patut kita beri pujian dan beri penghargaan kepada Kementerian itu, atau pun Pejabat yang berkenaan. Ini satu galakan yang saya fikir kita beri kepada pegawai<sup>2</sup> kita supaya berlebeh<sup>2</sup> chermat lagi kepada membelanjakan wang peruntokan yang di-benarkan oleh Parlimen pada persidangan yang lepas.

Dan lagi ada pula nampak-nya di-bawah Kepala B. 23 ini, Kerajaan meminta tambahan kerana hendak membayar wang sagu hati yang dituntut kepada Kerajaan. Ini saya tidak tahu-lah apa sagu hati yang Kerajaan mesti bayar. Di-sini dia kata, "Compensation arising from claims made on Government". Biasa-nya Kerajaan bila membuat satu<sup>2</sup> kerja itu, tentu-lah dengan terator, dengan perjanjian yang betul, bagaimana boleh dapat pula tuntutan dan Kerajaan mesti bayar pula dan bukan sedikit duit-nya; peruntokan yang ada itu \$84,000 tetapi hendak meminta tambahan \$70,000 lagi.

Ini semua-nya-lah bagi Ahli<sup>2</sup> Majlis ini memberikan pandangan-nya pada

Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan supaya berhati<sup>2</sup> menjalankan kerja-nya supaya terlepas daripada tuntutan yang sa-macham ini-lah yang berpuluh<sup>2</sup> ribu yang Kerajaan mesti sempurnakan, atau di-bayar.

Dan ada satu tempat pula tuntutan yang Kerajaan mesti tambah lagi ia-itu pada Kepala T. 12 asal-nya \$220,000 tetapi Kerajaan mesti bayar pula \$385,795 tambah-nya sahaja, atas tuntutan daripada tuan tanah dan Kerajaan terpaksa membayar-nya. Maka ini semua sa-kali-lah saya tadi daripada mula-nya suka hendak mendengar daripada yang membawa chadangan ini, undang<sup>2</sup> ini yang di-bacha kali yang kedua ini memberi penerangan yang terang pada tempat<sup>2</sup> yang tepat, dan tempat<sup>2</sup> yang mustahak supaya tidak payah lagi salah sa-orang daripada Ahli di-sini bangun lagi, tanya lagi dan terpaksa pula dia mesti bangun lagi menjawab-nya. Ini yang saya beri tadi hanya-lah saya dapati di-dalam<sup>2</sup>-nya itu semua sa-kali imbas sahaja bagitu, tetapi jikalau-lah Ahli<sup>2</sup> dalam Majlis ini bertela'ah betul<sup>2</sup> atas peruntokan yang ada ini dan tidak lagi daripada perbahathan di-atas dasar<sup>2</sup> yang tidak ada kena-mengena dengan perbahathan ini akan di-dapati beberapa macham perkara yang patut-lah bagi pehak Kerajaan memberi penilaian yang terang, kerana apa di-minta tambahan yang bagitu besar.

Saya banyak lagi-lah hendak berchakap di-atas Kertas Perintah ini, tetapi saya rasa memadai-lah sahaja. Terima kaseh.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**  
Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya saya bagi pehak Kerajaan menerangkan habis<sup>2</sup>an detail-nya perbelanjaan ini, tentu-lah hilang peluang<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat hendak berchakap bagi memberi fikiran dan pertanyaan. Jadi kerana hendak beri peluang itu-lah saya hanya berchakap sa-chara kasar sahaja. Wang \$385,795 ia-itu di-bawah Kepala T. 12 telah pun saya terangkan pada mula<sup>2</sup> tadi ia-itu-lah satu pembayaran yang di-putuskan oleh Mahkamah di-atas pembayaran

tanah yang di-ambil oleh Kerajaan kerana mengambil tanah di-simpangan jalan di-antara Ipoh dengan Pahang di-tengah<sup>2</sup> pekan Kuala Lumpur, ia-itu satu pembayaran yang tidak di-sangka<sup>2</sup> yang pada mula-nya di-jangka tidak begitu banyak, tetapi apabila menerima keputusan Mahkamah, mesti-lah di-bayar. Kepala B. 23—wang \$70,000 ia-lah kerja perkara<sup>2</sup> yang berlaku dengan tidak di-sangka<sup>2</sup>, mithal-nya ada berlaku kemalangan di-Pejabat P.W.D. di-mana Kerajaan terpaksa membayar wang sagu hati kepada orang yang mendapat kemalangan itu, ini perkara yang tidak dapat kita jangka daripada mula-nya.

Berhubung dengan \$30,000 menghantar rombongan<sup>2</sup> ka-luar negeri, memang-lah pada mula<sup>2</sup>-nya Kerajaan mengadakan perhubungan sa-chara berutus surat sahaja kepada negeri<sup>2</sup>, atau kepada Bank Dunia di-mana kita hendak meminjam wang, tetapi oleh kerana meminjam wang daripada Bank Dunia, daripada negeri<sup>2</sup> lain, bukan-nya satu perkara yang senang, maka dengan sebab itu terpaksa kita menghantar perwakilan keluar negeri dan berunding sa-chara detail dengan tempat<sup>2</sup> di-mana kita hendak meminjam wang itu. Dan wang yang di-pinjamkan ini telah di-fikirkan dengan sa-masak<sup>2</sup>-nya, boleh menda-tangkan faedah, walau pun kita membayar interest, tetapi kita yakin, kita boleh mendapat faedah daripadanya baharu-lah kita pinjam. Kita tidak akan meminjam wang, jika kita fikir boleh merugikan kita. Sava tidak fikir ada sa-siapa yang suka meminjam wang yang boleh menyusahkan, melainkan orang yang tidak insaf kepada diri dia sendiri.

Bank Dunia atau negeri<sup>2</sup> lain yang hendak meminjamkan wang kepada kita, itu juga takut hendak meminjamkan wang dengan senang melainkan mereka perchaya wang itu akan di-gunakan dengan baik dan dapat di-bayar balek. Jadi tidak-lah ada perkara yang boleh menimbulkan kebimbangan kita di-atas perkara tersebut.

Kemudian di-sebut fasal motokar Menteri<sup>2</sup>. Saya sa-belum jadi Menteri Ta' Berjabatan ini, telah menjadi Ketua Menteri Negeri Melaka sa-lama 9 tahun dan saya pernah beberapa kali menolak motokar saya di-tengah<sup>2</sup> jalan. Oleh kerana driver saya tua, dia tidak terdaya, jadi dia dudok pegang stering, saya-lah tukang tolak motokar. Dan pada satu malam saya terpaksa menolak motokar saya pada pukul dua pagi di-Linggi dan oleh kerana saya tidak terdaya hendak menolak motokar saya besar itu motokar Mercedes, terpaksa-lah pergi meminta tolong dan chuba hendak berchakap dengan telephone, saya di-kejar oleh anjing berbelas<sup>2</sup> ekor, menyebabkan saya terpaksa dudok di-dalam motokar sampai pagi. Tidak-lah mengapa Menteri<sup>2</sup> tidor dalam motokar, tetapi yang sukar-nya takut ra'ayat tertunggu<sup>2</sup> Menteri tidak sampai kerana motokar sakit perut di-tengah jalan. Apabila kita beri tahu yang motokar rosak kadang<sup>2</sup> orang tidak perchaya, mereka menudoh sengaja Menteri lambat. Jadi ini-lah kesusahan yang pernah di-hadapi. Dato' Haji Mohamed Noah pakai motokar berumur lima enam tahun, dia lain sadikit. Kalau dari rumah sa-takat pergi bermain golf sahaja boleh-lah simpan sampai 10 tahun. Menteri<sup>2</sup> kita pakai motokar dua tiga tahun terpaksa di-tukar ini menunjokkan Menteri<sup>2</sup> rajin. Kerajaan ada membuat ketetapan ia-itu motokar, itu di-kira umur-nya dan yang kedua di-kira berapa jauh ia berjalan. Motokar pun ada umur-nya macham kita juga. Kalau sampai lima enam tahun tentu-lah belanja menyimpan-nya lebeh mahal, baik beli yang baru. Atau pun motokar maseh baru, tetapi jika sudah berjalan sampai 100,000 atau 150,000 pun tentu-lah uzur juga. Macham juga sa-orang manusia yang kahwin banyak<sup>2</sup>, tentu dia tidak boleh hidup lama walau pun dia orang muda. Jadi terpaksa-lah di-beli motokar<sup>2</sup> yang boleh menyenangkan sadikit.

Yang Berhormat Tuan Hanipah dari Kedah—saya tidak berapa dengar ucapan-nya tadi. Ia menyatakan di-mana letak-nya kedudukan Dewan

Negara, rendah atau tinggi. Pada fikiran saya, rendah atau tinggi Dewan Negara ini terpulang kepada Tuan<sup>2</sup> sakalian yang duduk dalam Dewan ini menentukan-nya. Fikiran yang kita keluarkan, sama ada memberi faedah, atau tidak di-situ-lah letak-nya ukoran ra'ayat kepada kita semua di-Dewan ini. Saya mempunyai satu falsafah, saya tidak mahu kalau kita di-hormati kerana kedudukan kita, lebeh baik kita di-hormati orang oleh kerana jasa<sup>2</sup> kita, oleh kerana kebaikan kita kepada masyarakat.

Tentang soal protokol yang di-sebutkan itu, Kerajaan Pusat memang mengambil berat supaya Ahli<sup>2</sup> Dewan ini mendapat tempat yang sempurna di-dalam apa<sup>2</sup> perayaan, tetapi di-dalam Perayaan Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat tidak dapat-lah hendak champor tangan sangat, lebeh<sup>2</sup> lagi jika yang menjemput itu sharikat<sup>2</sup> private yang bukan Kerajaan.

Saya suka juga mengulas sedikit Dato' Dr Cheah Toon Lok daripada Kedah berhubung dengan keborosan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Satu peratoran telah di-buat sekarang ini di-mana<sup>2</sup> Kerajaan Negeri yang hendak meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat, lebeh dahulu sa-belum mereka meluluskan estimate dalam Belanjawan Negeri, hendak-lah estimate itu di-serahkan, di-selideki oleh Kerajaan Pusat lebeh dahulu. Jika mereka enggan menyerahkan atau memberi tahu, meminta nasihat daripada Kerajaan Pusat sa-belum estimate itu di-luluskan dalam Dewan Negeri, maka Kerajaan Pusat tidak akan memberi pertolongan, jika mereka tidak chukup wang.

Ini satu ikhtiar bagi menyekat Kerajaan Negeri jangan berbelanja besar lebeh daripada pendapat-nya. Dan satu lagi chadangan yang saya sendiri telah keluarkan dalam Majlis Kewangan Negara, mana<sup>2</sup> negeri yang elok menjaga kewangan-nya, yang pandai berjimat elok di-beri dia hadiah sa-bagai incentive. Chadangan saya itu telah di-terima dan saya pun bernasib baik kerana negeri yang mula<sup>2</sup> menerima pada tahun ini ia-lah negeri

Pulau Pinang dan Negeri Melaka, dan mereka telah di-beri hadiah \$400,000 tiap<sup>2</sup> Negeri itu. Negeri<sup>2</sup> yang lain yang berkehendakkan hadiah seperti itu ikut-lah chontoh negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Saya suka menjawab tegoran Yang Berhormat Nik Hassan atas dua perkara sahaja yang pertama sa-kali ia-lah pinjaman Bank Bumiputera. Bank Bumiputera terpaksa menjalankan perniagaan sa-bagai commercial bank. Apabila di-katakan commercial bank, bank ini berkehendakkan keperchayaan daripada orang ramai untuk menyimpan wang di-dalam bank itu. Jika sa-kira-nya wang ini di-pinjamkan kepada orang ramai dengan tidak ada chagaran yang chukup maka orang ramai ta' berani menyimpan wang dalam bank ini. Apabila orang ramai hilang keperchayaan kepada bank ta' berani menyimpan wang dalam bank itu, maka bank tidak boleh berjalan sebab bank boleh hidup hanya dengan memberikan pinjaman supaya dapat interest dan menerima wang simpanan bagi di-pinjamkan kepada orang lain. Pertukaran yang seperti ini-lah yang boleh mengembangkan bank tersebut. Jadi, kalau sa-kira-nya kita beri pinjaman dengan chara yang mudah orang ramai takut hendak menyimpan wang dalam Bank Bumiputera. Jadi, terpaksa-lah kita bersusah juga dalam soal hendak meminjam wang ini kerana hendak menjaga supaya Bank Bumiputera itu dapat hidup.

Bagitu juga pinjaman daripada MARA, saya bersusah payah sungguh hendak menchari jalan bagaimana boleh beri pinjaman dengan tidak payah chagaran. Saya suka sangat-lah tuan<sup>2</sup> di-sini dalam meshuarat yang akan datang berfikir menchari satu jalan bagaimana kita boleh beri pinjaman daripada sa-kecil<sup>2</sup> sampai sa-besar<sup>2</sup> ta' payah pakai chagaran. Ini-lah satu jalan yang belum saya dapat ikhtiarkan lagi. Sebab sedangkan ada chagaran pun sa-lama 10 tahun yang lalu RIDA—MARA telah kehilangan sa-banyak suku juta ringgit—\$240,000. Jadi, kalau sa-kira-nya di-beri pinjaman dengan tidak ada

chagaran saya fikir \$30 million sa-tahun pun akan lesap. Ini bukan chara hendak menolong bumiputera dalam perniagaan. Walau bagaimana pun saya dapat menolong mencheptakan penyiasatan mana<sup>2</sup> yang di-fikirkan patut kita beri-lah dengan segera. Tentang soal pinjaman dengan tidak payah chagaran itu ta' dapat di-buat kerana wang Kerajaan kita ada-lah terhad dan peluang bumiputera hendak bangkit dalam perniagaan memang luas. Kita ta' dapat hendak kejar kemajuan orang China, orang India, dengan serta-merta kerana mereka telah bekerja 500 tahun lebeh di-negeri kita sedangkan kita di-waktu itu tidor dengan nyenyak di-buai oleh penjajah dahulu dan hanya baharu dalam 10 tahun sa-lepas merdeka-lah kita baharu hendak bergerak. Jadi, segala alat kelengkapan bagi memajukan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaannya sedang banyak di-sediakan oleh Kerajaan, chuma-nya masa sahaja terlalu suntok dan saya perchaya jika orang China dan India dengan tidak dapat apa<sup>2</sup> bantuan daripada Kerajaan boleh maju seperti pada hari ini tidak ada sebab orang Melayu yang dapat bantuan tidak mencheptai kemajuan seperti yang kita kehendaki itu.

Lain daripada itu pandangan daripada wakil PAS Kelantan, Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus, saya tidak ada-lah hendak jawab kerana semua cerita yang di-bangkitkan ia-lah cerita lama yang berulang<sup>2</sup>. Apa yang saya suka hendak sebut, mereka ini bila datang dalam Dewan berchakap konon-nya fasal kemajuan tetapi apabila balek ka-Kelantan mereka menentang kemajuan. Mereka ta' suka berchakap hal<sup>2</sup> kemajuan dan mengatakan kemajuan ta' berguna, kemajuan ini untuk orang dunia dan orang Kelantan hendak-lah bersedia untuk balek ka-akhirat. Saya berseru kepada pemimpin<sup>2</sup> PAS, kalau betul dunia bukan kita punya akhirat negeri kita, elok-lah balek chepat negeri awak masing<sup>2</sup> (*Ketawa*); tetapi mereka tidak mahu balek, masing<sup>2</sup> membacha do'a panjang<sup>2</sup> minta Tuhan panjangkan umur, murahkan rezki, dapat banyak

lagi kayu balak (*Ketawa*), datang ka-mari ia berchakap fasal kemajuan suroh buat jalan, bila balek ka-Kelantan ia kata jalan ta' guna motokar masok anak ayam orang kampung mati di-gelek oleh motokar sampai bagitu rendah sa-kali pandangan mereka yang di-beri kepada orang kampung. Jadi, chakap<sup>2</sup> mereka ini chuma chakap<sup>2</sup> kosong sahaja yang ta' payah-lah saya hendak jawab kerana tambahan pula ranchangan kemajuan bukan mesti di-buat oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri pun ada-lah juga mempunyai tanggungjawab terutama seperti di-negeri Kelantan.

Chuma ada satu sahaja yang saya hendak sebutkan kata-nya Commonwealth Islam itu tidak berguna dan hendak-lah di-tarek balek, konon-nya diamkan-lah zaman yang akan datang menentukan. Di-sini saya suka memberi nasihat kepada-nya yang sa-benar-nya manusia-lah yang membentok zaman dan bukan zaman mesti membentok kita. Bukan-nya dengan sendiri sahaja kita boleh jadi pandai, bukan dengan sendiri kita boleh jadi maju, kita berikhtiar oleh sebab kita berikhtiar pada hari ini maka zaman ini di-namakan zaman atom, siapa yang buat atom ia-lah kita sendiri—manusia yang hidup pada hari ini. Jadi, manusia yang mesti membentok zaman tetapi kalau ikut chara PAS berfikir biar-lah zaman membentok kemajuan, saya ingat 20 zaman pun orang Kelantan akan hidup seperti itu-lah juga, kalau hendak tunggu zaman membentok nasib ra'ayat negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menchadangkan bachean yang kedua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua.

#### Bachean Yang Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama "Suatu Act bagi menggunakan wang

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-persetujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mepengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE CONTROL OF RENT (AMENDMENT) BILL

#### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan The Control of Rent (Amendment) Bill di-bachakan bagi kali yang kedua.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):** Tuan Yang di-Pertua, barang di-ingat bahawa manakala mengemukakan Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa dalam bulan Jun tahun 1966, saya telah memberi akuan kepada Dewan ini bahawa saya tidak akan teragak<sup>2</sup> membuat pindaan kepada Undang<sup>2</sup> itu, jika di-fikirkan perlu dan menasabah. Berhubung dengan pengakuan itu, saya telah beberapa kali menjemput melalui akhbar<sup>2</sup> kepada Persatuan<sup>2</sup> berkaitan, Badan<sup>2</sup> dan orang ramai untuk mengemukakan hujah<sup>2</sup> yang lengkap tentang sa-barang pindaan yang mereka suka di-perbuat kepada Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa itu. Daripada rayuan<sup>2</sup> yang telah di-terima sa-takat ini oleh Kementerian saya hanya dua perkara sahaja yang layak di-pertimbangkan dan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan sekarang ada-lah meminta Undang<sup>2</sup> itu di-pinda berkenaan dua perkara tersebut.

“Development” saperti di-nyatakan di-bawah Sekshen 2(1) Undang<sup>2</sup> itu berbunyi saperti berikut: “Development means rebuilding and includes structural alteration, extension or addition and the provision of additional fixture or fittings, but does not include anything done by way of decoration or repair.” Telah di-nyatakan bahawa istilah “development” saperti sekarang boleh di-salah-gunakan, ia-itu tuan<sup>2</sup> empunya dengan alasan menukar bentuk yang sedikit boleh mengambil balek bangunan yang termasuk di-bawah Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa. Adalah sentiasa menjadi tujuan Kerajaan membenarkan tuan<sup>2</sup> empunya mengambil balek bangunan<sup>2</sup> di-bawah Kawalan Sewa itu hanya untuk beanaan sa-mula. Oleh itu istilah yang ada sekarang boleh menyusahkan penyewa jika tuan empunya dengan alasan menukar bentuk yang sedikit mengambil balek bangunan yang di-bawah kawalan itu. Supaya mengelakkan kejadian salah-guna itu Clause 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta di-pinda perkataan “development” bagi menghadkan hanya kepada perkara<sup>2</sup> berkenaan membenakan bangunan baru, atau membenakan semula sa-bahagian besar yang di-runtuh daripada bangunan yang ada sekarang.

Satu perkara lain yang telah banyak di-terima rayuan ia-lah berkenaan tempoh masa yang mesti di-beri kepada penyewa bangunan perniagaan, mengosongkan bangunan tersebut manakala tribunal meluluskan permohonan tuan empunya bagi mendapat balek bangunan<sup>2</sup> di-bawah kawalan bagi maksud pembangun.

Beberapa Dewan Perniagaan dan Kesatuan<sup>2</sup> telah meminta ia-itu berkenaan dengan bangunan<sup>2</sup> perniagaan tempoh masa di-antara 18 bulan hingga 3 tahun hendak-lah di-beri kepada penyewa mengosongkan bangunan<sup>2</sup> itu. Alasan bagi menyokong-nya ia-lah masa 90 hari sa-bagai tersebut di-bawah Sekshen 18(4) Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa sangat pendek bagi membolehkan ahli berniaga mendapat tempat lain untuk menyambong perniagaan-nya dan lagi kebanyakan ahli

berniaga akan menanggung kerugian besar dari hutang<sup>2</sup> oleh kerana mereka akan menanggung bayaran-nya manakala di-dapati perniagaan itu telah di-tutup, atau berpindah ka-kawasan lain. Ada-lah di-fikirkan ia-itu penyewa bangunan perniagaan yang di-bawah kawalan sewa hendak-lah di-beri masa lebeh panjang daripada penyewa rumah<sup>2</sup> kediaman. Oleh itu Clause 3 Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta Seksyen 18 Act ini di-pinda bagi membolehkan penyewa rumah<sup>2</sup> perniagaan termasuk rumah<sup>2</sup> yang sa-bahagian-nya di-guna sa-bagai kediaman dan sa-bahagian-nya untuk perniagaan, atau perdagangan, atau untuk tujuan iktisad mengosongkan rumah<sup>2</sup> itu dalam tempoh 12 bulan dan tidak 90 hari menurut peruntokan Undang<sup>2</sup> sekarang, seperti di-kehendaki di-bawah Article 95A Perlembagaan Malaysia. Persetujuan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan telah di-dapati berkenaan Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG**

### **Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani supaya Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Padang Golf Subang di-bachakan kali yang kedua.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Dato' Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah bermaksud untuk menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dengan kuasa<sup>2</sup> yang tertentu. Sa-belum di-perkatakan tentang kuasa<sup>2</sup> Perbadanan tersebut ingin-lah saya menyatakan sedikit tentang latar belakang padang golf ini. Semenjak tahun 1962 lagi Kerajaan telah berchita<sup>2</sup> hendak membena sa-buah padang golf yang serba lengkap dan mempunyai kemudahan<sup>2</sup> peringkat antara bangsa. Sa-buah Jawatan-kuasa yang di-pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah di-lantek untuk mengkaji dan meranchangkan pembenaan padang golf ini. Dan suatu kawasan sa-luas lebeh kurang 388 ekar berdekatan dengan Lapangan Terbang Antara Bangsa Subang telah pun di-persetujui dan langkah<sup>2</sup> memperolehi tanah tersebut sa-chara acquisition telah di-jalankan dan selesai dalam tahun 1964. Sekarang tindakan sedang di-ambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengeluarkan Hak Milek Tanah tersebut atas nama Pesuruhjaya Tanah Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu. Sementara itu langkah<sup>2</sup> pembenaan padang golf itu telah di-mulakan semenjak tahun 1965 lagi, dan sa-hingga ini lebeh kurang 70% telah siap, dan ada-lah di-jangkakan keseluruhan padang golf ini akan siap dalam tahun 1969. Memandangkan padang golf ini akan siap tidak lama lagi ada-lah di-fikirkan perlu Perbadanan itu di-kuatkuasakan penubuhan-nya.

Tujuan utama penubuhan Perbadanan tersebut ada-lah untuk mentadbir dan menguruskan khas-nya Padang Golf Subang dan umum-nya menuboh serta mengurus dan menyelenggarakan mana<sup>2</sup> padang golf yang di-bena dari sa-masa ka-samasa dan juga lain<sup>2</sup> perkara sokan dan recreational.

Sa-lain daripada kuasa<sup>2</sup> ini Perbadanan itu dengan persetujuan Menteri

yang berkenaan juga di-beri kuasa untuk mengusahakan dan memajukan mana<sup>2</sup> tanah yang lebeh dan di-luar kegunaan Padang Golf Subang untuk maksud<sup>2</sup> lain seperti recreational, perumahan dan sa-bagai-nya. Berhubung dengan ini ingin-lah saya menarek perhatian Dewan ini bahawa di-sidang yang sudah<sup>2</sup> banyak sa-kali di-persoalkan tentang tindakan Kerajaan mengadakan padang golf ini lebeh<sup>2</sup> lagi dari segi kewangan konon-nya projek ini akan merugikan Kerajaan. Bagaimana yang telah di-tegaskan beberapa kali dahulu peruntukan anggaran sa-banyak \$4 million ada-lah sa-bagai pinjaman yang di-buat oleh Kerajaan Pusat untuk membena padang golf itu. Wang itu akan di-perolehi balek sungguh pun dengan sa-chara beransor<sup>2</sup> dan pehak Perbendaharaan sedang membuat pertimbangan atas dasar pembayaran balek yang akan di-buat oleh pehak Perbadanan itu kelak. Dengan itu bermana-lah projek itu tidak akan merugikan malahan sa-balek-nya akan menguntongkan Kerajaan.

Padang Golf ini yang akan di-lengkapkan dengan segala kemudahan<sup>2</sup> akan menjadi tumpuan peminat<sup>2</sup> golf sama ada dalam dan luar negeri, bahkan di-perchayai banyak nanti pelancong<sup>2</sup> akan tertarek untuk melawat kerana kemudahan<sup>2</sup> yang ada nanti. Dengan sebab itu juga-lah chadangan mengadakan sa-buah hotel complex yang serba moden dalam kawasan sa-luas 9 ekar dan ranchangan perumahan dalam kawasan sa-luas 108 ekar sedang di-kaji dan di-pertimbangkan sekarang ini. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mengembangkan dan memajukan sokan golf sa-bagai salah satu achara sokan yang popularity-nya makin bertambah dari sa-masa ka-samasa sangat-lah di-majukan. Kerajaan ada-lah menggalakkan permainan golf ini lebeh<sup>2</sup> lagi untuk di-ketengahkan ka-lapangan sokan antara bangsa. Dengan tertuboh-nya Perbadanan ini ada-lah di-harap tujuan<sup>2</sup> Kerajaan itu dapat di-laksanakan.

Akhir-nya sa-kali mengikut Rang Undang<sup>2</sup> ini ahli<sup>2</sup> Perbadanan ada-lah

terdiri daripada wakil<sup>2</sup> Kementerian dan Jabatan<sup>2</sup> berkenaan. Wakil<sup>2</sup> Kerajaan Negeri Selangor dan mereka<sup>2</sup> yang mempunyai kechenderongan dan dapat memberi sumbangan memajukan sokan ini yang di-lantek oleh Menteri yang berkenaan.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuat-nya Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan Majlis ini kerana bagaimana telah diterangkan oleh Menteri Muda, ia-itu permainan golf ini sangat-lah di-gemari oleh sa-bahagian besar daripada orang Malaysia ini dan juga akan menarek pelancong dari luar kapada negeri kita supaya dapat memberi faedah yang lebeh besar. Saya tidak-lah hendak berchakap tentang kebagusannya permainan golf ini, tetapi saya suka juga hendak menarek perhatian Menteri yang berkenaan di-atas Fasal 10 (5) berbunyi:

Moneys of the Fund which are not required to be expended in the discharge of any of the functions of the Corporation shall, if invested, be invested by the Corporation in investments for the time being authorised by law for the investment of trust funds:

Provided that the Corporation shall not make any investment in securities issued or registered, or in other property situated, outside the Federation except with the approval of the Minister of Finance to the making of that investment.

Saya rasa jikalau di-sekshen ini, syarat itu di-masokkan kapada semua "investment" yang hendak di-buat oleh Corporation itu tidak di-hadkan kerana "investment" luar negeri sahaja, melainkan di-kehendaki ka-semua sa-kali "investment" dalam negeri itu pun di-benarkan boleh membuat investment dengan syarat mendapat kebenaran daripada Menteri Kewangan. Saya tahu dahulu ada satu Perbadanan yang telah membuat "investment" di-dalam negeri ini—saya tidak hendak sebut nama Perbadanan itu—dan "investment" itu telah menjadi kerugian kapada Perbadanan itu dengan sebab perjanjian yang di-buat-nya tidak begitu betul, tidak begitu tepat, kerana "investment" yang di-buat ini beberapa juta ringgitkah dengan tidak ada pengetahuan daripada Menteri Kewangan.

Saya suka menarek perhatian di-sini kepada "investment" yang di-buat oleh E.P.F. kepada "Hotel Merlin". Investment ini besar dan dia memberi "investment" itu bukan menghutangkan bahkan dia membeli Hotel Merlin itu dan dengan perjanjian di-ambil balek kemudian daripada beberapa dengan harga yang di-beli oleh E.P.F. itu juga. Walhal kita dapati sekarang harga bangunan<sup>2</sup> dan tanah<sup>2</sup> telah berlipat ganda, melainkan di-sini kita dapati satu Perbadanan membuat "investment" dengan bermillion<sup>2</sup> ringgit, kemudian perjanjian beli hotel itu membayar sa-banyak \$30,000 sa-bulan, saya tahu, kemudian daripada beberapa tahun, hotel itu boleh pulang balek sahaja duit kepada E.P.F. ini dan apa E.P.F. dapat hanya-lah \$30,000 sahaja pada sa-bulan itu sahaja pendapatan-nya dan dengan harga itu juga, dan ini saya fikir satu chontoh, tau'adan, yang patut bagi pehak Kerajaan berchermat atas membuat "investment" daripada pehak Perbadanan<sup>2</sup>. Jadi saya lebeh suka jikalau-lah syarat ini di-ketatkan bukan sahaja investment di-luar negeri di-kehendaki sahaja, bahkan investment yang ada dalam negeri ini juga di-ketatkan, boleh di-benarkan dengan syarat persetujuan daripada Menteri Kewangan. Ini perkara yang telah terjadi dan saya tahu sendiri perkara itu telah berbangkit banyak kali di-dalam Dewan Ra'ayat sa-masa itu, saya Yang di-Pertua-nya, saya ingat lagi di-bangkit banyak kali, itu dengan sebab perbuatan daripada Jawatan-kuasa Perbadanan ini menjalankan kerja-nya dengan tidak ada pengetahuan daripada pehak Kementerian Kewangan sama sa-kali. Sunggoh pun saya fikir kuasa itu pada mereka, tetapi dengan sebab ada-nya itu, kuasa itu-lah yang menyebabkan E.P.F. telah rugi beberapa million ringgit. Ini satu chontoh sahaja yang saya katakan, bukan-nya saya pula hendak menudoh apa<sup>2</sup> di-atas apa yang telah berlaku-nya dahulu itu, tetapi ini chontoh yang saya beri dengan sebab saya dapati, fasal ini yang saya fikirkan ada kurang ketatnya dan dengan sebab tidak ada kawalan itu-lah, boleh menyebabkan

jadi berlaku perkara<sup>2</sup> yang sa-umpama itu.

Sa-lain daripada itu saya tidak-lah ada apa<sup>2</sup> yang hendak di-chakapkan, melainkan saya sokong-lah dengan sa-kuat<sup>2</sup>-nya supaya di-bachakan kali yang kedua-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini.

**Dato' Athi Nahappan:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I associate myself with the Honourable Tan Sri Haji Mohamed Noah in welcoming this Bill. I just want to seek one or two clarifications. On a quick first reading of the Bill, I get the impression that this is a body corporate with the power to acquire property, make contract and generally to manage the various powers granted to it under Clause 4 of the Bill. The membership, I gather, is stated under Clause 5 of the Bill. There are three categories of members, all of whom constitute a total of 11. A member himself is defined in Clause 2 and it makes reference to Clause 5.

In Clause 13, Sir, the power to make rules is granted to the Minister concerned. From this I get the impression, unless I am corrected otherwise by the Honourable Assistant Minister who is here, that this is just a corporation to be managed on a business basis and its membership would be confined to the 11 members who are to be appointed by the Minister and by the State Government and the membership would not be thrown open to others on a general subscription basis. However, in Clause 13, I notice that one of the powers granted to the Minister for rules to be made thereunder is to prescribe the charges to be made for admission to a golf course managed and maintained on behalf of the corporation. Does this mean that all the users of this golf course would have to pay a certain charge and apart from this they would have no right whatsoever in this corporation and they keep paying the charge regularly in order to use the golf course, that it is not anywhere near a club with interests granted to the members who are enrolled as members, that this is no more than a strict body corporate

confined to these 11 members and the users will only be allowed to use the course on payment of charges with no further rights whatsoever? Would the Honourable Minister be good enough to give clarification on this. Apart from seeking this clarification, I welcome this. Thank you very much.

**Tuan Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang<sup>2</sup> ini dan sa-lain daripada itu saya suka mengeshorkan kapada Kementerian yang berkenaan yang membawa Bill ini supaya membuat pertimbangan bagi mengadakan Corporation yang sama atau pun sa-rupa bagi sokan<sup>2</sup> yang lain supaya dapat kemajuan dan perkembangan dalam masalah sokan itu di-uruskan dan di-kendalikan oleh sa-buah Perbadanan yang boleh mengadakan modal membuat investment dan sabagainya.

Pada hari ini sa-tahu saya, kita ada Stadium Negara, Stadium Merdeka dan lain<sup>2</sup> lagi tempat<sup>2</sup> untuk sokan; jadi sa-kira-nya kita boleh mengadakan Perbadanan untuk permainan ini, saya rasa elok-lah Kerajaan menimbangkan supaya ada satu Perbadanan lain yang boleh mengembangkan sokan<sup>2</sup> yang lain daripada golf ini, sebab daripada perhatian saya kita telah adakan stadium di-banyak tempat atau pun di-banyak Negeri umpama-nya Stadium di-Kuala Lumpur, di-Trengganu, di-Kelantan, di-*Ipoh* dan di-merata<sup>2</sup> tempat. Kalau kita boleh chantumkan kesemua stadium<sup>2</sup> ini dan di-letakkan di-bawah satu pentadbiran, satu Corporation yang boleh mengumpulkan wang daripada hasil kutipan stadium itu, saya rasa ini akan jadi satu Perbadanan yang besar dalam usaha hendak menggalakkan dan mengembangkan sokan di-dalam negara kita ini. Jadi saya tidak hendak memanjangkan sa-lain daripada saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa oleh Menteri Yang berkenaan ini, saya shorkan supaya di-adakan Corporation bagi permainan atau pun sokan, sa-lain daripada golf ini.

## WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Bahawa sunggoh pun ada sharat<sup>2</sup> yang ditetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-timbangkan urusan yang ada di-dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suggoh pun ada sharat<sup>2</sup> yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-timbangkan urusan yang ada di-dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini sa-lepas daripada pukul 4.30 petang ini.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

**Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd. Noah dalam perbahathan ini telah membangkitkan pengalamannya yang lama dalam lapangan golf dan berkehendakkan Fasal 10 (5) di-ketatkan lebeh ketat lagi supaya investment bukan sahaja dari luar negeri tetapi juga dalam negeri; kedua<sup>2</sup>-nya itu, mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Memang perkara ini sangat di-hargai, dan suka-lah saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu walau pun dalam sharat yang di-sebut itu tidak di-sebutkan berkenaan investment dalam negeri supaya mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan, tetapi dalam fasal 5 (1) sa-bagaimana yang di-bangkitkan oleh Senator Yang

Berhormat Dato' Athi Nahappan ada di-sharatkan ia-itu dalam soal Ahli kapada Perbadanan ini sa-bagaimana yang terkandung dalam fasal 5 (1) (a) mempunyai wakil dari Kementerian Kebudayaan dan juga wakil daripada Perbendaharaan yang bererti walau pun tidak ada syarat tertentu mesti dapat kelulusan, tetapi pehak Perbendaharaan ada-lah menchampori sa-chara langsung melalui wakil yang di-tetapkan itu. Boleh jadi ini tidak-lah chukup memberi puas hati kapada Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd. Noah itu yang berkehendakkan supaya lebeh ketat, tetapi bagi sementara ini pehak Kementerian merasa ketat yang ada itu sudah munasabah dan kerana Rang Undang<sup>2</sup> ini sa-bagai permulaan chuba-lah kita lihat dahulu perjalanannya itu. Dan jikalau di-fikirkan mustahak lagi di-perketatkan, sama<sup>2</sup>-lah kita perketatkan. Apa-tah lagi pula dalam negeri ini memang ada juga chara<sup>2</sup> peruntukan yang mengawal-nya, ia-itu saperti Trustee Ordinance, 1949 dan sa-bagai-nya lagi.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Athi Nahappan ia-itu hak sa-saorang ahli itu apabila di-masoki kelab itu ada-kah menjadi sa-bagai member kapada Corporation atau pun tidak. Jadi ini juga satu perkara yang sa-benar-nya sedang di-tentukan oleh pehak Corporation ini apabila di-tubuhkan nanti. Kita ada-lah dalam proses baharu chuba hendak menubuhkan Corporation ini. Apabila Corporation ini di-tubuhkan maka di-tentukan-lah atoran<sup>2</sup>-nya memandangkan kapada burok dan baik-nya. Ada baik-nya barangkali ahli<sup>2</sup> itu di-sifatkan sa-bagai member yang berkuasa dalam soal<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-bangkitkan tadi, tetapi boleh jadi juga ada perkara<sup>2</sup> lagi yang tidak baik. Jadi, terpaksa-lah bagi sementara ini kerana kita dalam Kerajaan baharu hendak tubuhkan ini, tidak boleh-lah saya hendak menentukan pada ketika ini. Tetapi, suka-lah saya menerangkan juga tujuan pehak Kerajaan hendak mengadakan Padang Golf di-Subang itu ia-lah untuk kegunaan semua pehak sama ada

sa-bagai private member kapada Club House itu, juga kapada public oleh kerana tempat itu ada mempunyai sa-banyak 3×9 ia-itu 27 lubang jadi boleh-lah di-buka kapada dua pehak. Dan perkara ini saya ambil ingatan untok menjadikan panduan pada pehak Director Perbadanan ini.

Berkenaan pandangan Yang Berhormat Tuan Senator Nik Hassan dalam perkara supaya Perbadanan saperti ini juga di-luaskan kapada badan sokan lain. Memang-lah niat kita kalau boleh hendak mengembangkan kapada lain<sup>2</sup> badan sokan, tetapi ini-lah langkah permulaan yang awal. Jadi, ini kita lihat-lah dahulu ini sa-bagai satu pilot project, ada-kah ini memberi kelancharan dan kemajuan. Apa-tah lagi saya suka hendak menarek Yang Berhormat itu juga ia-itu lapangan golf ini barangkali senang sadikit buat Corporation bagini oleh kerana bayaran-nya dan kekuatan kewangan-nya itu lebeh gagah kalau kita bandingkan dengan sa-paroh<sup>2</sup> jenis lapangan sokan yang lain. Satu lagi pula kita mesti-lah sentiasa mengawasi dan membuat Corporation ini supaya tidak Perbadanan ini menjatuhkan taraf sokan sa-suatu lapangan itu, oleh kerana jikalau silap kita buat taraf amateur-nya itu boleh jadi timbol kapada taraf professional dan bermacam<sup>2</sup> chara lagi. Sebab itu terpaksa-lah kita bersabar dan meneliti dengan betul akan chara<sup>2</sup> yang sa-benar harus di-buat.

Berkenaan dengan stadium<sup>2</sup> yang banyak di-tubuhkan di-merata tempat, di-Kuala Lumpur, Kota Bahru, Seremban dan sa-bagai-nya itu kerana Yang Berhormat Senator Nik Hassan itu mengetahui ini sa-benar-nya ia-lah hak Negeri<sup>2</sup>, kechuali Stadium Merdeka yang di-bena oleh Kerajaan Pusat, manakala Stadium Negeri<sup>2</sup> adalah di-bena oleh pehak State Authority. Jadi itu ia-lah tidak di-bawah kekuasaan Kementerian ini sa-bagai hak Negeri atau pun hak Bandaran. Jadi sebab itu tidak-lah dapat saya memberi apa<sup>2</sup> pandangan dalam perkara itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 14* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## PENANGGOHAN

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan,

Bahawa meshuarat Dewan Negara ini di-tanggohkan sekarang hingga pada satu masa yang tidak di-tetapkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa meshuarat Dewan Negara ini di-tanggohkan sekarang hingga pada satu masa yang tidak di-tetapkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:**  
Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, persidangan ini di-tanggohkan *sine die*.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 4.40 petang.*